



MALAYSIA

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

## **PARLIAMENTARY DEBATES**

### **DEWAN NEGARA**

Senate

PARLIMEN SEVENTH

PENGGAL KETIGA

Third Session

---

**Jilid III**      **Bil. 8**      **Hari Rabu**      **5hb April, 1989**

---

#### KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

#### USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada  
Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan Mesyuarat (Ruangan 33)

#### RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) (Ruangan 34)

Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) (Ruangan 77)

Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah)  
(Pindaan dan Perluasan) (Ruangan 61)



## DEWAN NEGARA

**Rabu, 5hb April, 1989****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

## DOA

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

## PENYAKIT KERONGKONG [DIPHThERIA]

1. Tuan Foo Boon Liang minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan bahawa baru-baru ini banyak kejadian sakit kerongkong di Negeri Selangor dan wabak penyakit ini sediting menyerang di Negeri Perak. Kerajaan melalui rancangan Kesihatan telah memberikan pelalian percuma untuk penyakit sakit kerongkong, batuk ayam, kancing dagu dan polio. Walau bagaimanapun, sebilangan takyat Malaysia telah menyuntik anak mereka, apakah lagi langkah Kerajaan yang akan diambil bagi mengawal penyakit-penyakit tersebut dengan dan tindakan terhadap mereka yang enggan bekerjasama untuk suntikan tersebut.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejadian penyakit kerongkong atau diphtheria yang berlaku baru-baru ini telah dilaporkan di Kampung Pencala yang terletak di Wilayah Persekutuan. bukannya di Selangor. Dalam kejadian tersebut sejumlah enam kes telah dikesan. Sementara itu juga dua kes lagi telah dilaporkan di Negeri Perak. Bagaimanapun dari penyiasatan yang dibuat ternyata kejadian yang berlaku di Perak itu tidak berpunca dari wabak yang berlaku di Wilayah Persekutuan. Kementerian Kesihatan memang memandang berat akan adanya golongan ibu bapa yang tidak percaya

bahawa imunisasi atau pelalian boleh mengelakkan anak-anak mereka terkena penyakit diphtheria.

Untuk mengatasi masalah ini Kementerian akan terus mempergiatkan usaha-usahanya untuk mengadakan kempen imunisasi bagi menyedarkan golongan-golongan seperti itu terhadap faedah dan kepentingan imunisasi. Di samping itu, aktiviti-aktiviti pendidikari kesihatan akan juga ditekankan kepada orang ramai khasnya kepada golongan yang saya sebutkan tadi supaya masalah penyakit diphtheria ini dapat dibendung dan kejadiannya dapat dibanteraskan.

#### **KOLEJ SWASTA MENJALANKAN TWINNING PROGRAMME**

2. **Tuan K. Swalingam** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah Kolej Persendirian yang menjalankan "split degree or twinning programme" dan setakat manakah program ini berjaya.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Ubon See Chin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini bilangan kolej swasta yang telah diluluskan penubuhanaya oleh Kementerian Pendidikan untuk menjalankan kursus-kursus program berkembar dengan kerjasama universiti-universiti luar negeri adalah sebanyak enam buah kolej.

Berdasarkan maklumat-maklumat yang diterima oleh Kementerian Pendidikan, sebahagian besar daripada pelajar-pelajar yang mengikuti program berkembar ini yang sepatutnya telah melanjutkan pelajaran mereka ke luar negeri telah pun berbuat demikian. Sebilangan kecil pelajar yang gagal melanjutkan pelajaran mereka ke luar negeri telah diminta mengulang peperiksaan mereka di Malaysia bagi membolehkan mereka ke luar negeri kelak. Bagaimanapun, kejayaan sebenarnya

program ini belum dapat ditentukan kerana belum ada pelajar yang telah menamatkan sepenuhnya pengajian mereka melalui program ini untuk mendapatkan ijazah.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi mengelakkan apa-apa juga penyelewengan, apa kuasa Kementerian Pendidikan ada terhadap kolej-kolej persendirian. Sekiranya ada saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu Dewan ini.

**Tuan Woon See Chia:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat ulangi sekali lagi.

**Tuan C. Krishnan:** Bagi mengelakkan sebarang penyelewengan terhadap kolej-kolej persendirian, apakah kuasa Kementerian Pendidikan menggunakan untuk mengelakkan sebarang penyelewengan.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan ada menjalankan tindakan untuk mengawal semua kolej-kolej swasta dan membawa pegawai untuk menyiasat. Selain daripada itu kursus-kursus yang hendak dijalankan di kolej swasta itu hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran dari Kementerian Pendidikan. Pada jangka masa yang akan datang Akta Pendidikan akan diubahsuai sekali lagi untuk mengetatkan lagi kawalan kolej swasta dan kita yakin ini akan menjaga prestasi kolej swasta di negara kita.

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Kementerian berkenaan sejauh manakah pihak Kementerian mengenakan syarat-syarat ke atas kolej-kolej swasta yang mengendalikan program split degree ini dari segi kurikulumnya. Adakah kurikulum ini bersesuaian dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan apakah ianya sesuai dengan keperluan negara kini?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan ada teliti dengan isi kandungan kursus-kursus itu dan sebab mengikut program berkembar ini universiti-universiti di luar negeri ada memberikan kursus-kursus kepada mereka dan prestasi itu akan dijaga.

Kursus-kursus yang sudah dibenarkan oleh Kementerian adalah kursus yang perlu mengikut keperluan tenaga manusia di negara kita ini seperti:

- (i) Pengajian Undang-undang (Law);
- (ii) Engineering;
- (iii) Economica;
- (iv) Computer Science ;
- (v) Mass Communications;.
- (vi) Business Study;
- (vii) Accounting;
- (viii) Commerce;
- (ix) Science;
- (x) Marketing;
- (xi) Business Organization & Management;
- (xii) Financing dan sebagainya.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan iaitu di antara kolej-kolej jenis persendirian ini adakah ijazah berkembar yang akan diperolehi oleh pelajar-pelajar itu diiktirafkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam negara kita. Dan kalau ada, apakah langkah-langkah yang diambil oleh JPA untuk menentukan nilai dan taraf ijazah-ijazah berkembar yang tersebut itu. Terima kaaih.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab soalan yang pertama itu iaitu adakah semua kursus-kursus itu sudah diiktiraf oleh JPA dan pelajar-pelajar yang berminat bolehlah pergi ke Kementerian Pendidikan untuk menyemak senarai-senarai ijazah yang sudah diiktirafkan. Dan, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengiktirafkan kursus-kursus yang perlu oleh Kerajaan kita iaitu tenaga itu perlu oleh Kerajaan dan tidak pengiktirafan satu kursus itu bukan bererti bahawa kursus itu tidak mencapai satu taraf yang tinggi dan pengiktirafan oleh JPA hanya untuk keperluan oleh Kerajaan sahaja.

#### DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN

**3. Puan Norani binti Haji Beluah** minta Menteri Pendidikan menyatakan setakat manakah kejayaan yang telah dicapai mengenai Pasar Pelajaran Kebangsaan sejak ianya dilancarkan hingga sekarang ini.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara pencapaian Dasar Pendidikan Kebangsaan ialah:

- (i) Berjaya melahirkan satu sistem persekolahan yang bercorak kebangsaan ke arah melahirkan masyarakat yang progresif, berdisiplin dan bersepadu.
- (ii) Memainkan peranan yang utama untuk melahirkan satu keperibadian kebangsaan dan perpaduan negara dengan penggunaan kurikulum, aktiviti ko-kurikulum dan peperiksaan awam yang sama di sekolah-sekolah.
- (iii) Mewujudkan satu bahasa perantaraan dan bahasa perhubungan yang berkenan bagi kaun-kaum di negara ini, iaitu Bahasa Malaysia,
- (iv) Memainkan peranan utama dalam memaju dan memperkembangkan Bahasa Kebangsaan yang telah meningkat menjadi bahasa penghantar yang berkeaan dalam semua peringkat pendidikan dan juga bahasa ilmu dan pemikiran tinggi, setanding dengan bahasa-bahasa asing.
- (v) Menambahkan peluang untuk mendapatkan pendidikan bagi semua golongan dan lapisan masyarakat bandar dan luar bandar.
- (vi) Memberikan pendidikan yang lebih menyeluruh dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang telah diperkenalkan di sekolah-sekolah. Ia merangkumi aspek-aspek pengetahuan kemahiran, sikap dan nilai yang sesuai ke arah memperkembangkan lagi potensi



pelajar secara menyeluruh dan bersepadu agar mereka menjadi insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.

- (vii) Dapat memenuhi keperluan tenaga manusia di negara ini dengan menyediakan berbagai jenis dan corak pendidikan di peringkat rendah, menengah, maktab-maktab dan institusi-institusi Pengajian Tinggi.
- (viii) Mempertingkatkan taraf pendidikan masyarakat di negara ini dengan adanya pendidikan umum selama 9

kanak-kanak yang memerlukannya. Hampir 65% pelajar ini tnelanjutkan pelajaran ke peringkat menengah atas, 14% ke pra-universiti dan 4% ke universiti-universiti tempatan.

#### UJIAN DARAH

4. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Kesihatan menyatakan selain daripada menjalani ujian-ujian darah, apakah cara-cara lain yang pihak Kementerian menjalankan untuk mengenalpastikan identiti anak-anak yang diculik itu.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menjalani ujian-ujian darah, tiada ujian lain yang dijalankan oleh Kementerian pada masa ini untuk membantu dalam mengenalpasti identiti anak-anak yang diculik.

Ujian-ujian darah yang dijalankan adalah terdiri daripada 2 jenis, dengan izin,

- (i) "Red-cell genotyping" yang boleh dibuat di hospital-hospital besar di seluruh negara; dan
- (ii) "White-cell human leucocyte antigen typing", dengan izin, yang dibuat di Institut Penyelidikan Perubatan, Kuala Lumpur.

#### DIPLOMA KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN - PENGIKTIRAFAN

5. **Tuan Koh Im Pin** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa setakat ini Kementeriaannya hanya menawarkan surat perakuan taraf 2 diploma dan 2 sijil daripada Kolej Tuanku Abdul Rahman sedangkan kolej ini memohon akuan, taraf bagi semua diploma dan sijil. Bilakah diploma dan sijil yang lain akan dipertimbangkan untuk akuan taraf.

**Tuan Koh Im Pin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kelima. Tuan Yang di-Pertua, sebelum jawapan diberi, saya minta betulkan soalan saya. Nama saya Koh, bukan Kok dan minta Menteri Pendidikan, bukan Perdana Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta Menteri Pendidikan, sila.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, masalah pengiktirafan sijil-sijil atau diploma ini adalah terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri, kerana JPA atau Jabatan Perkhidmatan Awam yang bertanggungjawab untuk mengiktiraf. Oleh kerana itu, saya mohon menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, pengiktirafan ke atas satu-satu kelayakan sama ada di dalam atau luar negara, antara lain, adalah berasaskan kepada:

- (a) keperluan satu-satu bidang itu di dalam Perkhidmatan Awam;
- (b) mutu pelajaran tersebut serta kesesuaian untuk mengendalikan tugas dalam jawatan berkenaan.

Cara-cara pengiktirafan ialah melalui kajian atau silibus, kedudukan para akademik institusi yang mengeluarkan kelulusan itu serta kelengkapan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan kepada para pelajar. Kajian ini dibuat oleh badan-badan yang mengandungi keahlian-keahlian yang terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang-bidang yang berkaitan. Jika diperakukan oleh badan-badan tersebut, barulah pengiktirafan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan.

Oleh yang demikian, soal pengiktirafan bukanlah menjadi hak institusi pengajian tinggi sama ada dalam negeri ataupun luar negeri.

Lagipun, perlu ditegaskan di sini bahawa pengiktirafan oleh Kerajaan itu hanyalah bagi kegunaan Perkhidmatan Awam sahaja. Kelulusan yang tidak atau belum diiktiraf oleh Kerajaan tidak bermakna kelulusan itu mutunya rendah atau sebaliknya.

**LESEN KENDERAAN PERDAGANGAN-PEMBAHARUAN**

6. **Tuan Haji Syed Abdul Hamid bin Sagaf** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sebab-sebab kenapa pembaharuan lesen (permit) kenderaan perdagangan memakan masa sehingga lebih dari setahun. Adakah beliau sedar bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan menanggung risiko yang tinggi apabila JPJ mengeluarkan Lesen Kenderaan Motor (cukai jalan) tanpa Surat Kebenaran Sementara atau permit yang sah.

**Menteri Perusahaan Awam [Dato Napsiah binti Omar]**: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembaharuan lesen akan mengambil masa jika permohonan berkenaan dikemukakan selepas tamat tarikh kuatkuasa lesen. Dalam kes-kes sedemikian, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan terpaksa meminta pemegang lesen mengemukakan, sebab-sebab mengapa permohonan membaharui lesen lewat dibuat sejajar dengan peruntukan Seksyen 21 yang berbunyi:

Seksyen 21(2) berbunyi:-

Suatu permohonan untuk memperbaharui lesen di bawah sub-seksyen (1) hendaklah dibuat sebelum tarikh habisnya tempoh lesen yang sedia ada.

Seksyen 21(3) pula berbunyi:-

'jika pemohon gagal untuk mematuhi sub-seksyen (2) dan tidak memberi apa-apa alasan yang Lembaga fikirkan munasabah, Lembaga boleh enggan untuk meneruskan, mendengar atau memutuskan permohonan itu'.

Surat menyurat untuk melaksanakan peruntukan tersebut mengakibatkan proses pembaharuan lesen memakan masa. Kelewatan sebegini timbul bagi permohonan pembaharuan lesen yang dibuat sebelum tamat tarikh kuatkuasa lesen kerana sementara menunggu proses pembaharuan tersebut tidak selesai, satu Surat Kebenaran Sementara akan dikeluarkan dan kenderaan boleh terus beroperasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan, Kementerian Perusahaan Awam menerima sejumlah lebih kurang 2,000 permohonan membaharui dan ubah syarat tiap-tiap bulan. Bagi permohonan membaharui semata-mata yang dikemukakan sebelum tamat tarikh kuatkuasa lesen prosesnya tidak memakan masa.

Bagi permohonan membaharui berserta dengan ubah syarat, ataupun ubah-ubah perkara yang lain, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan mengambil masa kerana setiap permohonan sedemikian perlu diteliti seolah-olah ianya merupakan permohonan yang baru.

#### SYARIKAT PEMAJU PERUMAHAN DIBAWA KE MAHKAMAH

7. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah Syarikat Pemaju Perumahan dan Pengarah yang telah dibawa ke mahkamah kerana kesalahan di bawah Akta Pemaju Perumahan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, sehiagga 31hb Januari 1989, sebanyak 57 kes telahpun dibawa ke mahkamah. Dari jumlah tersebut, sebanyak 13 kes telahpun dibicarakan, di mana syarikat-syarikat tersebut telahpun disabitkan atas berbagai kesalahan kerana melanggar Akta Pemaju Perumahan, Kawalan dan Pelesenan dan Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan 1982. Dari kes yang tersebut, hanya seorang Pengarah dari salah satu syarikat pemaju perumahan itu telah dituduh dan disabit dengan kesalahannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat Puan Valli Muthusamy.

**Puan Valli Mathusamy:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk meneruskan projek-projek perumahan

yang telah dibiarkan oleh pemaju-pemaju swasta di mana pinjaman-pinjaman perumahan telahpun diluluskan?

**Datuk Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan tambahan ini terkeluar daripada soalan asal. Walau demikian, oleh kerana soalan ini berkaitan dengan Kementerian ini, saya suka menarik perhatian bahawa Kementerian ini sendiri berusaha dengan berbagai-bagai cara untuk menyelesaikan masalah rumah-rumah yang terbengkalai bagi memberi keidealan kepada pembeli-pembeli di samping untuk mengekalkan matlamat Kerajaan bagi memperkembangkan industri perumahan. Di antara cara-cara yang sedang dan telah dilaksanakan ialah dengan mengadakan rundingcara dengan pihak pemaju ataupun dengan pihak pembeli. Jika ini tidak dapat satu penyelesaian, pihak Kementerian menggalakkan bagi pihak pembeli supaya menubuhkan satu persatuan pembeli supaya mereka membawa kes ini ke mahkamah untuk mendapat arahan daripada pihak mahkamah ataupun dengan lain-lain cara lagi, bagi pihak Kementerian menjemput sebaanyak-banyak pihak pemborong ataupun pemaju-pemaju lain di dalam negara kita ini bagi mengadakan perbincangan untuk memberi peluang kepada mereka bagi menyelesaikan rumah-rumah yang terbengkalai.

#### **PANTAI BAGAN LALANG, SEPANG SEBAGAI PUSAT PELANCONGAN**

3. **Tuan V.K. Sellappan** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk membangunkan Pantai Bagan Lalang, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan sebagai pusat pelancongan bagi negeri ini. Jika ya, berapakah jumlah peruntukan telah diuntukkan bagi pembangunan pusat tersebut dan apakah rancangan selanjutnya.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan**

**[Tuan Abdul Raman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Partua, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan tidak mempunyai cadangan untuk membangunkan Pantai, Bagan Lalang, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan sebagai

pusat pelancongan bagi negeri tersebut. Walaupun demikian, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan telah diberitahu bahawa Kerajaan Negeri mempunyai rancangan-rancangan tertentu untuk memajukan tempat ini sebagai satu Pusat Latihan dan Pelancongan. Untuk tahun ini, selain daripada projek mengindahkan kawasan, Kerajaan Negeri akan juga membina sebuah rumah rehat yang sederhana besarnya di tempat ini. Peruntukan bagi projek-projek ini akan disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan.

**Tuan G Rajoo:** Tuan Yaag di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sejauh manakah projek-projek pelancongan yang dianjurkan di peringkat-peringkat negeri telah berjaya dalam menarik pelancong-pelancong luar negeri memandangkan bahawa kebanyakan pelancong-pelancong luar negeri melawat hanya tempat-tempat tertentu seperti Ibukota Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Melaka?

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini terkeluar daripada soalan asal, inginlah saya menyatakan bahawa dalam promosi penggalakan serta misi-misi yang kita hantar ke luar negeri, tugas Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan ialah memperkenalkan Malaysia. Kita perlu memberi tekanan memperkenalkan Malaysia terlebih dahulu dan kita berharap Kerajaan-kerajaan Negeri akan menyediakan kemudahan-kemudahan bagi tujuan pelancongan, begitu juga pihak-pihak swasta kerana dengan memperkenalkan Malaysia sahajalah baharu boleh pelancong luar negeri datang ke negara kita, kerana tidak begitu senang kita hendak memperkenalkan satu-satu kawasan sahaja. Lebih baik bagi pada pendapat Kementerian, kita memperkenalkan Malaysia. Namun begitu, Kerajaan-kerajaan Negeri dan

pihak-pihak swasta yang mengadakan tanpat-tempat pelancongan ataupun produk-produk pelancongan, mereka boleh mengikuti rombongan-rombongan penggalakan yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Kita sentiasa membuka untuk mereka menyertai dalam rombongan-rombongan tersebut.

#### **KBSR PEPERIKSAAN PENILAIAN**

9. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Pendidikan menyatakan prestasi kejayaan murid-murid tahun enam KBSR di dalam peperiksaan penilaian yang pertama kali bagi tahun 1938.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada keseluruhannya prestasi murid-murid dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 1988 adalah memuaskan.

Kemahiran yang dicapai dengan baik ialah kefahaman, lisan dan bacaan dalam bahasa penghantar masing-masing di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan dan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.

Kemahiran mengira adalah sangat baik di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan sederhana di Sekolah Kebangsaan, Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.



Kemahiran menulis adalah baik di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina tetapi memuaskan sahaja di Sekolah Kebangsaan, Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

Pencapaian dalam Bahasa Inggeris adalah memuaskan di Sekolah Kebangsaan, Sekolah Rendah Kebangsaan dan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina tetapi kurang memuaskan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

**Tuan C. Krisiman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan bahawa hampir 90% lebih murid-murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil telah gagal di dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Enam. Sekiranya benar, macam mana Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan katakan memuaskan dan apakah tindakan ataupun langkah-langkah Kementerian Pendidikan ingin ambil terhadap sekolah-sekolah Tamil bagi meninggikan kemahiran Bahasa Malaysia?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk mempertingkatkan prestasi bahasa seperti Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, Kementerian Pendidikan ada buat rancangan bahawa menambahkan guru terlatih berbahasa Malaysia untuk mengisi jawatan atau menjadikan guru di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. langkah-langkah lain ada diambil juga seperti melalui skim pinjaman buku teka, kursus pemulihan dan memberi kursus-kursus kepada guru-guru yang sedang mengajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dan ini adalah langkah-langkah yang sudah diambil. Tetapi bagaimanapun, disebabkan ramai Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil terletak di kawasan pendalaman atau diestet dan Kementerian

Pendidikan berhasrat untuk memberi kemudahan, lebih kepada sekolah-sekolah yang di luar bandar, ini termasuk juga Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam pemeriksaan penilaian KBSR ujian lisan dalam Bahasa Malaysia dijalankan oleh guru-guru, bagaimanakah pemilihan guru-guru ujian lisan dijalankan oleh Kementerian?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab soalan ini.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa soalan itu adalah lain daripada soalan asal, tak payah dijawab.

**Tuan C. Srishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi. Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu Dewan ini benarkah 90% lebih gagal di dalam Peperiksaan Darjah Enam? Sekiranya benar, ini jawapan standard sahajalah, senantiasa kita diberitahu kita akan meningkatkan prestasi dan kita akan cuba dapatkan guru-guru terlatih, ini jawapan standard sahaja. Kementerian Pendidikan mesti membawa satu rancangan khas kerana mereka ini sekiranya gagal di dalam Bahasa Malaysia ini macam manakah masa depan mereka? Saya berharap Kementerian Pendidikan benar-benar ambil tindakan, langkah-langkah yang sewajarnya supaya pada tahun-tahun hadapan murid-murid dari sekolah Tamil dapat meningkatkan prestasi di dalam Bahasa Malaysia. Adakah cadangan untuk bagi tahun 1990?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu usaha yang bukan sahaja hendak diambil oleh Kementerian Pendidikan, pemimpin-pemimpin masyarakat dan politik hendaklah mengambil juga tanggung

bersama-sama, pikulkan tanggungjawab ini, seperti menasihatkan kepada ibubapa untuk memberi kepentingan kepada pendidikan. Dari segi Kementerian Pendidikan satu rancangan yang sudah dijalankan ialah Kementerian Pendidikan menggalakkan PIBG sekolah itu untuk menganjurkan kelas tambahan Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dan ini sudah dijalankan di banyak Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan saya harap pemimpin-pemimpin politik dan masyarakat dapat menggalakkan PIBG Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil untuk menganjurkan kelas tambahan bahasa bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Tan Chai Ho.

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No. 10.

#### GURU BAHASA CINA DI SEKOLAH MENENGAH - KEKURANGAN

10. **Tuan Hassan bin Harun [di bawah S.O. 23 [2]]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan telah diambil untuk mengatasi masalah kekurangan guru Bahasa Cina di sekolah menengah setelah masa persekolahan dilanjutkan sehingga waktu petang.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan dan penempatan guru-guru matapelajaran bahasa Cina adalah dilakukan menurut Akta Pelajaran 1961 di mana sesebuah kelas bahasa ibunda itu boleh diadakan sekiranya terdapat permohonan bertulis dari ibu bapa tidak kurang dari 15 orang.

Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memenuhi keperluan tenaga guru bahasa Cina di sekolah-sekolah. Antara langkah-langkah yang dilakukan oleh Kementerian adalah:-

- (i) sekolah-sekolah yang mempunyai ramai pelajar-pelajar Tionghua akan dibekalkan dengan guru-guru siswazah yang terlatih untuk mengajar matapelajaran tersebut;
- (ii) jika terdapat banyak kelas-kelas bahasa Cina yang diwujudkan atas permintaan murid (ini hanya bagi sekolah-sekolah yang bukan menggunakan bahasa pengantar bahasa Cina) akan ditempatkan guru-guru sandaran terlatih dari sekolah rendah jenis kebangsaan Cina atau sekolah-sekolah yang berhampiran; dan
- (iii) guru siswazah yang beropsyen lain tetapi mempunyai kelulusan bahasa Cina dan guru kategori CI bahasa Cina dari sekolah rendah akan ditempatkan di sekolah-sekolah yang berkaitan.

**Tuan Chan Choong Tak:** Soalan Cambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini adalah berkenaan dengan sekolah-sekolah menengah, adakah sekolah-sekolah menengah yang bahasa pengantarnya selain, daripada Bahasa Malaysia?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada Bahasa pengantar di sekolah-sekolah menengah Kerajaan ialah Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris adalah satu bahasa yang diwajibkan dan bahasa Cina sebagai bahasa tempatan,

#### PUSAT LATIHAN BELIA

11. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapakah jumlah pusat-pusat latihan belia yang ada sekarang dan adakah Kementerian berkenaan ada perancangan untuk menambah lagi bilangan pusat-pusat latihan tersebut untuk memberi latihan kemahiran bagi melengkapkan diri mereka bagi menyambut cabaran perkembangan teknologi perindustrian yang sedang giat dibangunkan oleh Kerajaan sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Haji Awang bin Jabar]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ada 5 buah Pusat Latihan Belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Pusat-pusat itu adalah seperti berikut:-

- (i) Pusat Latihan Belia Dusun Tua;
- (ii) Pusat Latihan Belia Kuala Terengganu;
- (iii) Pusat Latihan Belia Skudai, Johor;
- (iv) Pusat Latihan Belia Negara di Perak; dan
- (v) Institut Belia Usahawan di Ipoh.

Dua buah Pusat Latihan lagi sedang dalam pembinaan, Tuan Yang di-Pertua, iaitu:

- (i) Pusat Latihan Kanahiran Tinggi, di Sepang, Selangor yang akan mula beroperasi, inaya Allah, pada awal tahun 1990; dan
- (ii) Pusat Latihan Belia Jitra, di Kedah yang insya Allah, juga akan mula beroperasi pada Jun, 1990.

Kementerian Belia dan Sukan telahpun membuat perancangan untuk menambah lagi bilangan Pusat-pusat Latihan Belia untuk memberi latihan kemahiran kepada para belia diseluruh negara, termasuklah perancangan membina sebuah Pusat Latihan Belia Wakaf Tapai di negeri Terengganu. Untuk makluman Dewan, Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman telahpun bersetuju untuk mengurniakan sebidang tanah seluas 153 ekar bagi maksud tapak belia tersebut.

**Puan Habidah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah Kementerian Belia dan Sukan bercadang untuk menubuhkan sebuah Pusat Latihan Belia khusus untuk beliawanis sahaja memandangkan jumlah pengambilan beliawanis di dalam Pusat-pusat Latihan Belia yang sedia ada adalah amat terhad. Terima kasih.

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Hasrat di hati memang ada, Tuan Yang di-Pertua, tetapi keadaan pada masa kini tidak memungkinkan untuk kita berbuat demikian.

#### PENGUNDIBARU YANG DIDAFTARKAN

12. **Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akin** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikah pengundi baru yang didaftarkan seluruh negeri dalam setahun, bermula 1984 hingga 1988. Setiap tahun kempen Daftar Pemilih telah diadakan dan menggunakan perbelanjaan yang banyak.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-pertua, bilangan pengundi-pengundi baru yang didaftarkan di seluruh negara dalam setahun bermula tahun 1984 hingga 1988 adalah seperti berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Bil. Pengundi Baru</u>
1984	567,695
1985	719,903
1986	32,903
1987	88,875
1988	119,788

**Puan Aionon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah Kerajaan menggunakan komputer dalam menentukan dan menyimpan data-data pemilih.

Kedua, adakah dengan penggunaan komputer ini boleh mengelakkan penyelewengan dari segi pendaftaran yang pernah kejadian pemilih-pemilih mempunyai dua terapat pendaftaran, satu ada di Taiping dan satu di Kuala Lumpur, umpamanya.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya pihak Suruhanjaya Pilihanraya telahpun menggunakan komputer. Semua Jabatan Kerajaan sekarang telah meningkatkan penggunaan komputer di Jabatan masing-masing.

Bagi soalan kedua, memang ini adalah satu kes yang terlalu kecil, tetapi sekaraag ini penggunaan komputer menyimpan nama-nama pendaftar pemilih adalah mengikut kad pengenalan masing-masing, maka, insya Allah, ianya tidak akan berlaku lagi pada masa-masa akan datang.

**Tuan Azuma bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk menukar sistem pendaftaran yang sedang dibuat pada ketika ini.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Kerajaan sedang merancang hendak mengadakan sistem pendaftaran sepanjang tahun. Apabila undang-undang ini digubal dan diluluskan maka kita akan menjalankan urusan pendaftaran pemilih ini sepanjang tahun.

**Puan Hazidah binti Zakaria;** Tuan Yang di-Pertua, mengenai senarai pendaftaran pengundi-pengundi ini seringkali timbul rungutan daripada orang ramai yang mengatakan adanya penguadi-pengundi yang

telah meninggal dunia, umpamanya, ataupun yang telahpun meninggalkan negara ini yang namanya masih berada di dalam daftar-daftar pengundi ini. Jadi, saya ingin penjelasan daripada Kementerian, ada atau tidak sesuatu usaha mengkoordinasikan ataupun penyelarasan dibuat di antara Pejabat Pendaftaran dengan pihak Suruhanjaya Pilihanraya ini bagi menentukan nama-nama yang sudah meninggal dan mereka yang tidak lagi tinggal di negara ini dikeluarkan supaya mengelakkan soal ini timbul tiap-tiap kali kita mengadakan pilihanraya.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, sememang benar bahawa terdapat nama-nama yang telahpun meninggal dunia dan orang yang telah meninggalkan negara di dalam senarai Daftar Pemilih. Yang meninggal dunia, insya Allah, kita boleh menentukan melalui Jabatan Pendaftaran, tetapi yang meninggalkan negara itu ia tidak dilaporkan kepada Jabatan Pendaftaran. Walau macam manapun, kita berusaha untuk cuba mengeluarkan nama-nama orang yang telah meninggal dunia ataupun meninggal negara di dalam senarai Pendaftar Pemilih.

**Tuan Azumu bin Tak** Penukaran sistem yang saya maksudkan tadi ialah adalah sama ada Kerajaan boleh memikirkan untuk membenarkan parti-parti politik menjalankan pendaftaran pengundi ini, tidak seperti sekarang ini di mana dibuat oleh kerani-kerani yang bergaji.

**Tuan Othman bin Abdul;** Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya adalah sebuah Suruhanjaya Bebas yang tidak terikat dengan mana-mana badan politik. Dengan itu, Kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan badan-badan politik untuk melakukan pendaftar pemilih.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya bilangan pengundi sudah meningkat



pada tahun 1988. Kalau tidak jadi masalah saya ingin mendapatkan daripada Yang Berhormat angka mengikut pecahan pengundi, kalau ada, untuk tahun 1989 sahaja.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana pecahan itu tidak saya perolehi sekarang. Kalau Yang Berhormat berkehendakkan, saya boleh meminta Suruhanjaya Pilihanraya untuk memberikan, sememangnya ada pecahan kaum dalam sesuatu bahagian pilihanraya.

#### **SKIM BERTUAH MENDIRI RUMAH**

13. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bagaimana wang sejumlah \$29 juta skim bantuan mandiri rumah untuk mereka yang tiada rumah, dapat diageh sama rata ke seluruh negara. Adakah Kerajaan bercadang menambahkan lagi wang peruntukan skim ini, setelah sampai tahun 1990 nanti.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Tuan Mohamed bia Jamrah]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah meluluskan sebanyak \$29 juta untuk melaksanakan Rancangan Pemulihan Rumah bagi tahun 1989 dan 1990. Program ini dikhususkan bagi membantu golongan termiskin, untuk membaikpulih rumah atau membina semula rumah mereka yang didapati terlalu daif dan tidak lagi selamat untuk didiami. Program ini bukanlah satu skim bantuan mendirikan rumah untuk rakyat yang tidak mempunyai rumah.

Peruntukan tersebut akan diageh-agehkan kepada golongan termiskin di seluruh negara berdasarkan kepada satu daftar keluarga termiskin yang telah dikenalpasti oleh Kerajaan. Tambahan kepada peruntukan Rancangan Pemulihan Rumah akan ditimbang oleh Kerajaan sekiranya diperlukan dan kedudukan kewangan Kerajaan mengizinkan.

**GURU-GURU BUKAN SISWAZAH DI SEKOLAH MENENGAH**

14. **Dr. Tan Chong Keng** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan guru bukan siswazah yang sedang mengajar di sekolah menengah atau maktab perguruan pada bulan Januari, 1986. Adakah benar bahawa golongan guru ini akan ditukar ke sekolah rendah, dan jika benar, bilakah pertukaran, akan dijalankan. Bolehkah Kementerian Pendidikan mencepatkan latihan perguruan siswazah supaya membolehkan kekosongan guru sekolah menengah yang diakibatkan oleh pertukaran di atas dapat diatasi.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan guru bukan siswazah yang mengajar di sekolah menengah pada awal tahun 1989 ialah seramai 39,795 orang dan di Maktab Perguruan berjumlah 620 orang. Adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan bahawa guru-guru siswazah sahaja yang mengajar di sekolah menengah dan bukan siswazah di sekolah rendah. Guru-guru bukan siswazah akan ditukarkan berperingkat-peringkat dan tarikhnya belum diputuskan lagi kerana Kementerian Pendidikan sedang meneliti dan mengkaji segala implikasi buruk baik rancangan ini. Sekiranya rancangan ini dilaksanakan latihan bagi guru-guru siswazah akan disesuaikan.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah guru-guru bukan siswazah yang sedang mengajar di sekolah menengah akan menyesuaikan diri apabila dihantar ke sekolah rendah pula untuk menjalankan tugas mengajar. Adakah Kementerian bercadang mengadakan kursus-kursus latihan semula untuk guru-guru ini menyesuaikan diri bila dihantar ke sekolah rendah kelak.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan akan memberikan kursus-kursus dalam perkhidmatan kepada mereka.

**PUSAT KHAS DALAM BIDANG PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN**

15. **Datok Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah pusat khas dalam bidang penyelidikan dan pembanguaan dalam usaha untuk menjadikan negara Malaysia sebuah negara yang maju.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membina sebuah pusat khas dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, research and development (R&D) oleh kerana pada masa ini terdapat lebih daripada 30 agensi dan jabatan Kerajaan seperti RRIM, PORIM, MARDI dan SIRIM yang terlibat dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Untuk menggalakkan lagi R&D, Kerajaan telah menyediakan peruntukan khas di bawah Rancangan Malaysia Kelima berjumlah \$400 juta, tidak termasuk peruntukan biasa bagi institusi-institusi dan universiti-universiti yang terlibat dalam berbagai bidang penyelidikan.

**TANAH HUTAN - KELUASAN**

16. **Tuan Lin Heng Tee** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa banyak tanah hutan masih ada:

- (a) Semenanjung Malaya;
- (b) Sabah; dan
- (c) Sarawak.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Alias bin Md. Ali]:**

Tuan Yang di-Pertua, keluasan tanah hutan yang masih ada di Malaysia berjumlah 20.1 juta hektar yang terbahagi kepada:

- (a) 6.19 juta hektar di Semenanjung Malaysia;
- (b) 4.49 juta hektar di Sabah; dan
- (c) 9.42 juta hektar di Sarawak.

**LAWATAN NATRAH KE MALAYSIA**

17. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah peranan Kementerian Luar Negeri berhubung dengan kepulangan NATRAH ke negara ini dari Amerika Syarikat yang dijangkakan pada akhir Mac atau awal April.

**Menteri Luar Negeri [Dato' Abu Hassan bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mungkin mengenai lawatan Natrah ke Malaysia, bukannya kepulangan beliau ke Malaysia dalam ertikata yang sebenarnya kerana beliau bukannya warganegara Malaysia.

Dalam hal ini, lawatan beliau adalah lawatan biasa bagi seorang rakyat asing. Oleh hal yang demikian, Kementerian Luar Negeri tiadalah mempunyai apa-apa peranan. Namun begitu, bagi membolehkan beliau melakukan lawatan yang dianggap sentimental itu, Kementerian Luar Negeri melalui perwakilannya di luar negeri boleh membantu beliau mendapatkan visa untuk memudahkan perjalanan beliau ke negara ini sebagaimana biasa yang diberikan kepada warganegara asing yang berhasrat baik untuk melawat negara kita.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan Malaysia bercadang untuk memberi kelonggaran kepada Natrah untuk terus menetap di Malaysia khususnya di Terengganu?

**Dato' Abu Hasaan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita pun tidak tahu hasrat Puan Natrah ini sama ada hendak tinggal menetap di Malayaia ataupun tidak, jadi kita akan kaji perkara itu bila masanya tiba.

#### AKTA MENGAWAL MONOPOLI HARGA BARANGAN

18. **Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Menteri mengkaji Akta Mengawal Monopoli Harga Barangan diperketatkan sama ada sistem monopoli itu dijalankan secara langsung ataupun tidak langsung akta ini perlu diperketatkan memandangkan terdapat banyak agensi Kerajaan yang telahpun diswastakan dan perkara ini tidak mustahil jika di masa akan datang syarikat tersebut mengamalkan sistem monopoli ke atas harga barangan ataupun servis untuk mengaut untung yang berlebihan dan akhirnya pihak pengguna menjadi mangsanya yang boleh melibatkan perkembangan dan kemajuan negara amnya.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan perindustrian**

**[Tuan M.G. Pandithan]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Mengawal Monopoli Harga Barangan tidak wujud di negara pada masa ini. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ada menguatkuasakan Akta Kawalan Harga 1946; Akta Kawalan Bekalan 1961;

Akta Perihal Dagangan 1972; Akta Timbang dan Sukat 1972 dan Akta Sewa Beli 1967 bagi tujuan melindungi pengguna dari dieksploitasi oleh peniaga. Pengawasan juga dijalankan untuk menentukan harga barangan adalah munasabah dan berpatutan.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Soalan tambahan, hebat sungguhlah kalau kita dengar Akta ini banyak dia ada, tetapi yang menjadi mangsa yang teruk adalah pengguna. Kita pernah dengar Menteri kata tubuhlah Persatuan Pengguna. Persatuan Pengguna di Malaysia tidak, sama seperti di Holland macam mana CAP dan lain-lain. Jadi, saya yang bangkitkan soalan ini, saya hendak tahu daripada Kementerian yang berkenaan, selain daripada Akta-akta yang sedia ada, apakah cara lebih agresif lagi boleh Kementerian itu melakukan supaya bila ada musim-musim perayaan seperti Hari Raya dan sebagainya, yang jadi mangsanya adalah pengguna. Sekian.

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengadakan pelbagai Akta-akta untuk menjaga kepentingan pengguna-pengguna, Kerajaan sedar pada masa musim perayaan harga adalah dinaikkan oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, Kerajaan mengawasi dengan teliti untuk menjaga peniaga-peniaga tidak menaikkan harga dengan tidak berpatutan dan munasabah, tetapi bekalan Kerajaan jaga supaya pada musim perayaan barang-barang keperluan sebanyak 25 jenis barangan adalah mencukupi. Kerajaan sebenarnya menjaga bekalan barang-barang itu dan pada masa musim perayaan barangan itu didapati dengan mencukupi.

**Puan Aion binti Ariffin:** Berapa ramaikah Kementerian berkenaan menambah kakitangan dalam bidang penguatkuasaan untuk menentukan kawalan harga barang?

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam Bahagian Penguatkuasa kita mempunyai lebih 350 pegawai-pegawai untuk menjalankan tugas mereka.

#### PENUNTUT MELAYU DI KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN

19. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapakah bilangan penuntut-penuntut Melayu begitu kecil di Kolej Tunku Abdul Rahman. Apakah dasar pengambilan penuntut di Kolej tersebut.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan penuntut-penuntut Melayu adalah kecil di Kolej Tunku Abdul Rahman dibandingkan dengan keseluruhan pelajar-pelajarnya. Penuntut-penuntut Melayu mempunyai pilihan lain untuk melanjutkan pelajaran seperti ke institusi pengajian tinggi yang lain sama ada di dalam atau di luar negara. Kolej Tunku Abdul Rahman mengamalkan dasar terbuka ke atas pengambilan pelajar-pelajar tanpa mengira kaum. Kemasukan ke Kolej berkenaan adalah mengikut syarat bidang-bidang kursus yang ditawarkan di Kolej berkenaan.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab bilangan penuntut-penuntut Melayu begitu kecil, saya ingin tahu apakah galakan yang dibuat oleh TAR College supaya lebih ramai penuntut-penuntut Melayu menyertai kursus-kursus di Kolej tersebut?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Kolej. Tunku Abdul Rahman itu menggalakkan pelajar Melayu untuk masuk ke Kolej Tunku Abdul Rahman itu dan memberikan biasiswa sekiranya mereka berminat untuk masuk ke Kolej itu dan saya harap ini diumumkan kepada penuntut/pelajar Melayu untuk memohon masuk ke Kolej Tunku Abdul Rahman.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan sedar terutama Kementerian yang berkenaan bahawa terdapat diskriminasi secara halus untuk menyekat bumiputera masuk ke Kolej berkenaan?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Kolej itu tidak menghadkan kaum Melayu atau India untuk masuk ke Kolej itu. Kolej itu mengalu-alukan lebih ramai pelajar-pelajar kaum Melayu untuk masuk ke Kolej Tunku Abdul Rahman.

**Tuan Chan Choong Tak:** Adakah Kementerian Pendidikan ini mempunyai dasar untuk menggalakkan segala penuntut-penuntut kaum masuk bukan sahaja ke Kolej Tunku Abdul Rahman tetapi juga kepada Kolej-kolej swasta yang lain, misalnya Kolej MARA dan barangkali kolej Kerajaan Tunku Khursiah?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu hasrat Kerajaan dan hasrat Kementerian Pendidikan untuk menggalakkan pergaulan semua pelajar belajar di tiap-tiap satu kolej. Tetapi ini selalu menimbulkan satu iau politik dan selalu diheboh-hebohkan oleh beberapa orang yang tertentu dan sekiranya kita dapat tidak membangkitkan perkara ini sebagai satu perkara politik atau sensitif bahawa ini akan menyenangkan Kementerian Pendidikan untuk merancang semula cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi.



**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, tidakkah masalah pengiktirafan ijazah ataupun diploma dan sijil-sijil daripada Kolej TAR itu merupakan satu masalah pokok yang menghasilkan masalah kekurangan penuntut Melayu di Kolej TAR itu. Mengapakah Yang Berhormat Timbalau Menteri Pendidikan tidak mahu menyatakan ini sebagai satu sebab mengapa kita tidak boleh dapat sambutan penuntut Melayu terhadap kursus-kursus Kolej TAR itu?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju bahawa pengiktirafan diploma ataupun sijil Kolej Tunku Abdul Rahman itu disebabkan oleh sebab tidak ramai pelajar kaum Melayu masuk ke Kolej itu dan Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam sedang mengkaji semua permohonan dari Kolej Tunku Abdul Rahman itu dan saya yakin dalam masa yang singkat permohonan itu akan dikaji dengan teliti dan sekiranya sesuai akan diiktirafkan.

#### LESEN RADIO - MEMANSUHKAN

20. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Penerangan menyatakan berapa juta ringgitkah Kerajaan rugi akibat dari memansuhkan bayaran lesen radio, tinggal TV sahaja diberi bayaran, dan pada bulan berapakah yang lesen radio ini tidak payah dibayar lagi.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey):** Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan di sini bahawa sebenarnya soalan iai telahpun dijawab pada 27hb Mac yang lalu, tetapi walau

macam manapun, ingin saya membuat penjelasan sekali lagi atas pertanyaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, atas pelaksanaan pemansuhan lesen radio ini akan mengurangkan hasil Kerajaan, lebih kurang 56 juta setahun dan berkenaan dengan pelaksanaannya, belum lagi dilaksanakan kerana tarikh yang sesuai sedang difikirkan oleh Kerajaan.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab pihak RTM dapat banyak wang daripada iklan-iklan, adakah ada cadangan untuk memansuhkan Lesen TV?

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan-ini tidak begitu tepat pada yang ditanya, suka juga saya menjelaskan bahawa Kerajaan tidak bercadang hendak memansuhkan lesen televisyen sebanyak \$24 setahun sekarang, walaupun pada suatu masa baru-baru ini ada ura-ura hendak menaikkan lesen TV kepada \$36, tetapi yang sebenarnya itu cuma ura-ura. Jadi yang sebenarnya \$24 adalah dikekalkan sebagai bayaran lesen TV setahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yaug Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawapan Mulut sudahpun cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulat telah cukup dan bagi Pertanyaan No. 21 hingga 58 adalah]**

## USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA  
PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Salaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Tang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul di atas nama Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN)****Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[4hb April, 1989]**

**Perbahasan disambung semula.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah untuk menyambungkan ucapan beliau. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor.

**3.35 ptg.**

**Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telahpun memberi peluang sekali lagi untuk saya menyambung ucapan. saya yang telahpun saya berucap pada petang kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum, tanggungjawab Kerajaan dan pemimpin-pemimpin adalah membuat undang-undang dengan tujuannya supaya rakyat jelata sekalian dapat selamat daripada segala bahaya di dalam keadaan kehidupan mereka dan dapat mereka mencegah diri mereka daripada terjerumus di dalam perkara-perkara yang tidak dibenar oleh pihak, undang-undang sama ada undang-undang agama yang tertentu kepada individu atau tiap-tiap seorang ataupun undang-undang negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah Allah s.w.t. berfirman di dalam Al-Quran memberitahu kepada seluruh ummah manusia yang berbunyi, Bismillahir-rahmanir-rahim, "Athiullaaha waathiiurrasula waulil amri minkum," patuhlah kamu kepada Allah dan patuhlah kamu kepada Rasul, "waulil amri minkum", dan patuhlah kamu kepada pemerintah-pemerintah kamu, sama ada pemerintah itu pemerintah negara ataupun pemerintah sebagai ketua jabatan dan seumpamanya. Kenapakah demikian, kenapakah Tuhan yang menciptakan alam memberitahu kepada seluruh ummah manusia, wahai manusia kamu hidup kalau kamu selamat, kalau kamu berkehendak kepada keamanan, keselamatan, kesejahteraan mesti kamu mempunyai sifat kepatuhan. Yang pertama kepatuhan kepada Tuhan pencipta alam yang dinamakan Allah s.w.t., kenapa?

Tuan Yang di-Pertua, itulah saya telahpun berkata pada petang kelmarin masalah pencuri, masalah penipu dan berbagai-bagai yang berlaku sama ada di negara kita ataupun di lain-lain tempat ialah berpuncanya kerana manusia tidak patuh kepada Allah, sebab manusia kalau dia tidak patuh kepada Allah dia boleh buat apa sahaja sebab kalau selain daripada Allah s.w.t., manusia dapat manusia menyusup, menyelindungi dirinya daripada manusia yang lain sebagaimana yang kita saksi, yang kita tahu pencuri," dia boleh masuk di tengah malam ke rumah kita yang kita sedaag nyenyak **tidur**. Bagaimana kita hendak tahu? Kita letak kenderaan di luar, kita duduk di dalam Dewan, mereka pergi ambil motor kita, kereta kita, mana kita tahu? Tetapi kalau manusia sudah takut kepada Allah, patuh kepada Allah di mana tempat sahaja mereka berada, mereka tidak boleh buat apa perkara yang tidak sesuai dan tidak sepatut dan yang dilarang oleh Allah s,w,t. sebab di mana sahaja mereka berada di situlah Allah s.w.t. berada dan Allah s.w.t, mengetahui, mendengar dan melihat dan kuasa membuat apa sahaja yang dikehendaki oleh Allah s.w.t.

Dengan sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, Baginda Rasulullah s.a.w. bersabda pada satu Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Zarrin r.a., Annabi salallaahu alaihi wassalam yang bermaksud: "Takutlah kamu akan Allah di mana sahaja kamu berada" - ini dia punca. Di mana sahaja kamu berada, kamu mesti takut akan Allah. "Memperikuti olehmu akan kejahatan yang kamu buat akan kebaikan." Kalau kamu bersalah, kamu taubat, kamu mesti membuat kebaikan, mengaku kesalahan dan "bercampur gaullah kamu, berkawanlah kamu akan manusia dengan perangai yang elok, yang bagus, yang comel yang memberi manusia itu kepercayaan kepada diri kita".

Inilah asas. Jadi, kalau selagi manusia tidak bersikap demikian, tidak takut kepada Allah, tidak takut kepada Rasul dan tidak patuh kepada pemerintah, selama itulah negara tidak menjadi aman dan selamat. Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru dan saya merayu kepada semua penduduk Malaysia di dalam hal masalah undang-undang yang kita akan luluskan ini, saya berharap terutama sekali kepada kaum-kaum wanita, takutlah akan Allah, s.w.t. walaupun kita lulus dalam masalah ini dengan masalah yang tertentu sebagaimana yang saya telah huraikan pada petang kelmarin dengan nas-nasnya. Tetapi saya berharap seluruh wanita mesti mengambil berat di dalam masalah ini. Sebab ini masalah pembunuhan, masalah dosa besar, kalau silap, dosa besar. Lebih-lebih lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada pihak pemerintah dan kepada doktor-doktor semoga hendak meluluskan, membenarkan ataupun membuang anak kandungan sekiranya mengikut syarat yang kita akan luluskan ini hendaklah ambil berat dan perhatian.

Kita harap pada doktor janganlah memandang kepada kewangan, terutama kepada doktor-doktor swasta, jangan mementingkan kepada kewangan. Kewangan boleh dicari tetapi kesalahan tidak boleh

dimaafkan. Kalau kita buat tersembunyi yang kita salah, silap daripada apa kehendak yang dikehendaki oleh undang-undang ini, lambat laun kita akan ditimpa bala yang Lebih besar; kalau kita mendapat wang \$10,000 kita akan rugi lebih daripada 310,000 lagi. Sebab perkara ini perkara besar. Tetapi oleh kerana Islam adalah satu agama yang luas, ia memberi rahmat kepada seluruh umat manusia apabila sempit. Dengan sebab itu Islam boleh membenar kalau sekiranya membawa kepada kemudaratan. Tetapi kita bimbang dan takut apabila kita luluskan Rang Undang-undang ini, pihak doktor mengambil peluang. Boleh kami buat, \$3,000, 35,000, 32,000 walaupun tidak menjadi gila, walaupun tidak membawa kematian, diluluskan, ini laknat. Doktor akan dilaknat oleh Allah, dilaknat oleh masyarakat Malaysia dan seluruh dunia. Doktor tidak akan selamat buat selamalamanya kalaulah perkara ini tidak jujur.

Dengan sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya menyokong Rang Undang-undang ini, tetapi itulah harapan saya. Jangan perkara ini buat sewenang-wenang mengikut kehendak, mesti betul-betul. Perkara ini kena pada tempat sebab saya bimbang, saya berterus-terang cakapan kita yang cakap dalam Dewan ini bukanlah dicatit oleh pencatit dan disimpan dalam khazanah Dewan sahaja, Malaikat Raqib dan Atib catit, Di hadapan, Tuhan Robul Jalil, Tuhan akan tanya Haji Md. Noor, apa kamu cakap dalam Dewan pada sekian haribulan, pada 4hb dan 5hb, kamu bercakap apa?

Saya akan disoal oleh Robul Jalil di hadapan seluruh umat manusia yang tidak terhingga banyaknya. Bagaimana saya hendak jawab, saya mesti jawab. Mulut saya telah dimeteri, yang menjawab ialah tangan saya menjadi saksi, anggota saya yang menjadi saksi. Dengan sebab itulah walaupun saya menyokong, tetapi saya merayu dan memberi amanat kepada orang-orang yang akan mengikuti dan akan

membuat perkara ini mengikut lunas-lunas yang kita akan luluskan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi saya berasa suka menyambung walaupun perkara ini tidaklah bersangkutan paut sangat dengan Rang Undang-undang ini tetapi sebagai satu perkara yang saya suka mengingatkan kepada diri saya juga kepada pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab kepada negara. Saidina Umar r.a. Khalifah yang kedua berpesan "janganlah kamu tujukan perhatianmu kepada kuasa seseorang dan jangan pula kepada sembahyangmu, tetapi perhatikanlah orang yang bila berbicara, dia benar dan bila diberi amanah, dia menepatinya dan bila ia berangan-angan melakukan maksiat, dia menjauhinya. Dengan pengertian yang sama, beliau berkata "jangan sekali-kali kamu terpengaruh oleh bicara seseorang tetapi oleh penunaian amanahnya kepada orang yang memberi amanah dan manusia selamat dari kejahatan tangan dan lidah. Ini adalah ingatan Saidina Umar r.a. Khalifah yang kedua kepada umum sekalian manusia.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pesanan Saidina Umar r.a. setiap kali beliau melantik seorang Gabenor ataupun Amir sebuah daerah terlebih dahulu harta kekayaan petugas itu dihitung sebelum dia lantik dan dihantar menjadi Gabenor ataupun pemerintah, Amir, dia cek dahulu harta banyak mana ada dia miliki. Begitu juga setelah habis masa tugasnya kegiatannya dihitung kembali. Apabila habis sahaja tugas, cek jumlah harta banyak mana. Adakah bertambah atau setakat yang sedia ada. Jika berlebihan, jika didapati Gabenor atau Amir itu berlebihan harta sebelum beliau memegang jawatan itu, dirampas dan diserahkan harta itu ke Baitulmal. Misalnya, contoh yang dibuat oleh Saidina Umar r.a. Attiah ibni Ibni Sufian kembali ke Madinah setelah selesai bertugas di satu wilayah dengan membawa kekayaan yang banyak. Kemudian Attiah diselidiki, diperiksa oleh Saidina Umar r.a. dan didapati selain daripada dia bertugas, dia juga menjalan dagangan di sana.



Ada berniaga di sana, di tempat dia memerintah. Beliau yakni Saidina Omar bertindak memasukkan harta yang terlebihnya itu ke dalam baitulmal. Apabila dicek, harta itu lebih daripada hal dia asal, Saidina Omar ambil dan hantar ke baitulmal, menjadi hak Kerajaan. Jelaslah betapa beliau menjaga dan mengembangkan kekayaan dan kewangan negara. Beliau berpendapat bahawa baiknya harta itu dalam tiga perkara.

Saidina Omar berpendapat bahawa baiknya harta itu dalam tiga perkara:

- (i) diperolehi dengan jalan yang benar;
- (ii) dikeluarkan untuk menegakkan kebenaran;
- (iii) dicegah untuk membelanjakannya untuk yang batil.

Inilah pesanan Saidina Omar r.a. kepada seluruh ummat manusia kalau manusia mahu hidup dengan senang, aman, selamat di dunia dan akhirat, Insya Allah. Maka contohilah perbuatan Saidina Omar r.a. ini.

Saya rasa itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya kemukakan dalam Majlis yang mulia ini. Jadi, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian dan kepada Kerajaan dan saya merayu dan memberi amaran kepada pihak yang akan menunaikan tanggungjawab atas undang-undang ini supaya jalankanlah mengikut peraturan yang benar. Janganlah tipu diri masing-masing. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:**Yang Berhormat Tuan Chan Choong Tak.

**3.52 ptg.**

**Tuan Chan Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, semua rakyat Malaysia yang taat kepada undang-undang, tidak kira jantina sudah semestinya menyokong tujuan dan matlamat pindaan kepada Akta Kanun Keseksaan seperti yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, atas sebab bertambahnya kes-kes jenayah terutama sekali kes-kes pencurian, rogol, pemerasan, penipuan, lebih-lebih lagi kes rogol, pindaan ini nampaknya terlewat. Walau bagaimanapun, pindaan ini haruslah disambut baik.

Individu-individu serta kumpulan-kumpulan yang mengambil minat terutama sekali pertubunan-pertubuhan wanita telah lama berjuang dengan tegas untuk pindaan yang terutama sekali pindaan atas peruntukan yang berkaitan dengan jenayah moral, rogol, kesalahan luar tabii dan supaya wanita-wanita yang jahil (innocent) dapat dilindungi.

Penjenayah-penjenayah dapat ditahan dan dihukum sejajar dengan kelakuan penjenayahannya dan supaya keseksaan mangsa-mangsa yang berkaitan dapat dikurangkan atau, dengan izin, sufferings of the victims can be reduced. Setengah-setengah kejayaan perjuangan mereka sudah dapat dibayangkaa dalam pindaan Akta ini.

Dengan pindaan Seksyen 312 yang terkandung dalam Fasal 5 Rang Undang-undang ini, mangsa-mangsa yang telah dirogol dan telah hamil bolehlah menamatkan kehamilannya yang sah dari segi undang-undang dengan pertolongan doktor yang sah. Maka ini dapatlah mengurangkan kecederaan fizikal atau moral simangsa.

Di bawah pindaan kepada seksyen 375, Tuan Yang di-Pertua, takrif 'rogol' telah diperluaskan. Perluasan takrif ini meliputi perbuatan jenayah yang tidak dimasukkan di bawah takrif 'rogol'

dahulu, perbuatan ini termasuk perbuatan jenayah yang dilakukan oleh seseorang lelaki apabila dia bersetubuh dengan seorang wanita di mana keizinan melakukan persetubuhan adalah melalui salah tanggapan fakta atau, dengan izin, with her consent, when her consent has been obtained not only by putting her in fear of death or hurt to herself or any other person, or obtained under a misconception of fact and the man knows or has reason, so believe that the consent was given in consequence of such misconception atau jika sekiranya dia berumur di bawah 16 tahun atau, dengan izin dalam bahasa Inggeris, with or without her consent when she is under sixteen years of age.

Penjenayah-penjenayah yang mensifatkan diri mereka sebagai 'bomoh' atau 'medium' atau penghubung Tuhan yang dapat memulihkan penyakit wanita dengan mengadakan pesetubuhan dengan mereka pada masa wanita itu, wanita yang jahil barangkali bodoh, pada masa ia ada di bawah kesalahan tanggapan fakta, penjenayah-penjenayah ini sepatutnya dimasukkan dalam takrif yang telah diperluaskan. Ini adalah satu perkara yang baik.

Penjenayah-penjenayah yang berhina lagi tercaci ini yang menyalahgunakan kejahilan atau innocent wanita dengan mengadakan persetubuhan dengan mereka, sepatutnya dirangkap di bawah jenayah rogol dan sepatutnya dijatuhkan hukuman berat supaya dapat kita ~~men-~~ pertahankan perbuatan ini dari berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pada pendapat keseluruhannya, penjara maksimum selama 20 tahun ini adalah tidak mencukupi untuk memberikan pengajaran kepada sipenjenayah yang kami benci itu.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kebimbangan saya atas pindaan iai adalah takrif 'rogol' yang telah diperluaskan ini boleh juga akan menangkap juga orang yang mungkin melakukan kesalahan dengan tidak serius seperti yang dimaksudkan di atas. Misalnya jika seseorang lelaki bujang yang hanya mempunyai wang sebanyak \$50 mengadakan persetujuan dengan seorang pelacur yang mengenakan harga misalnya \$100 dan dia telah mendapat izin pelacur itu pada masa pelacur itu di bawah salah anggapan fakta bahawa si bujang ini akan membayar kepadanya sebanyak \$50 dan jika, sekiranya perbuatan itu telah dibuat dan bila orang bujang itu membayar kepada dia \$50 sahaja, bolehkah seseorang pelacur ini menolak keizinannya yang mengatakan bahawa orang bujang itu telah merogolnya di bawah takrif yang telah diperluaskan ini?

Kalau ini boleh dianggap sebagai rogol boleh atau tidak boleh kita menganggapaya sebagai seorang setaraf dengan orang yang merogol orang yang lain secara paksaan.

Untuk contoh yang lain. Jika sekiranya ada seorang anak kita barangkali umumnya 17 tahun atau adik kita yang muda yang berumur 17 tahun dan jika sekiranya dia telah terjatuh cinta kepada seorang perempuan jirannya. Orang perempuan ini berumur barangkali 15 tahun lebih tidak sampai 16 tahun dan untuk meraikan harijadi orang perempuan ini bila dia sampai 16 tahun dan satu hari sebelum itu, on the eve of the birthday, dengan lzin mereka pergi bersama-sama meraikan, menari kemudian pergi ke tempat seronok dan oleh sebab emotion mereka telah membuat satu kesalahan. Dengan kesalahan ini bolehkah kita sebagai ibubapa, abang atau kakak menganggap anak muda ini atau adik muda ini seperti dengan syaitan yang merogol seorang perempuan yang berumur 10 tahun. Adakah tidak perbezaan di antara perbuatan itu dengan perbuatan ini? Perbuatan ini dibuat oleh dua orang yang bercinta dan barangkali ibubapa mereka sukakan mereka dan dengan harapan besar bahawa pada suatu hari mereka akan berkahwin dan barangkali mereka pun hendak berkahwin.

Kita tahu perbuatan itu salah. Salah bukan sahaja terhadap undang-undang, tetapi salah juga di bawah agama dan mereka mesti dihukum, dengan izin, must be punished. Tetapi pada fikiran saya punishment yang diberikan kepada mereka tidak boleh disamakan dengan syaitan itu, dengan orang yang terbenci itu yang merogol dengan paksaan.

Saya fikir kumpulan-kumpulan perempuan dan kumpulan-kumpulan lelaki juga yang hendak membuat pindaan ini tidak mempunyai tujuan bahawa orang muda ini mesti dipenjarakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan dukacitanya jika sekiranya pindaan Fasal 8 ke atas seksyen 376, kalau ini diluluskan, orang muda ini terpaksa masuk ke dalam penjara sekurang-kurangnya lima tahun sungguhpun pada masa itu Tuan Hakim yang menjatuhkan hukuman itu adalah seorang yang sangat bersimpati. Dia tidak ada discretion, dengan izin. Dia mesti menjatuhkan hukuman sekurang-kurangnya lima tahun.

Kita semua tahu bahawa kita mesti mengajar anak atau adik kita supaya berkelakuan baik. Tetapi ini boleh terjadi dan kita tidak mendorong perbuatan atau kejadian ini. Tetapi adakah ini hukuman yang sesuai. Oleh sebab itu saya merayu kepada kawan-kawan saya di dalam Dewan yang mulia ini supaya berfikir dengan baik-baik dan barangkali dalam sesi yang akan datang, bolehkah tidak kita mencaangkan serba sedikit pindaan kepada pindaan ini supaya dapat kita buat satu Akta yang memberikan saksama kepada semua dalam negeri ini. Kita semua bencikah kelakuan yang buruk dan penjualan buku-buku lucah. Tetapi kita juga mahu melindungi anak-anak kita dan barangkali juga adik kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, hanya pindaan ini sahaja yang mempunyai serba sedikit, dengan izin doubt. Selain daripada itu, dengan menaikkan hukuman terhadap pencurian, terhadap pemesanan dan lain-lain itu saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang.

**4.06 ptg.**

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang:** Bismillahir-rahmannir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana saya diberi peluang untuk bersama-sama dengan rakan-rakan bercakap dalam Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan N.M.B Bab 45.

Saya menarik perhatian di dalam perbincangan ini iaitu sebagaimana yang telahpun dilafazkaa oleh rakan-rakan yang terdahulu daripada saya mengenai keraguan dan melahirkan rasa kecemasan di atas pindaan sebahagian Rang Undang-undang ini iaitu di dalam Fasal 5 yang bertujuan meminda Seksyen 312. Jadi ulasan yang panjang lebar telahpun diberi oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Noor berhubung dengan pandangan Islam mengenai undang-undang rogol ataupun undang-undang menggugurkan bayi dalam kandungan ini.

Saya rasa Ahli-ahli Dewan Negara ini adalah bertanggungjawab terutama sekali mereka-mereka yang percayakan Allah dan Rasul bahawa kita tidak boleh sewenang-wenang mengambil keputusan yang ada percanggahannya dengan hukum yang diturunkan oleh Allah Subhanahuwataala. Walaupun kita tidak sampai ke tahap Hukuman sebagaimana yang dikehendaki tetapi kita harus memikir perkara-perkara yang kita luluskan ini, kita harus bertanggungjawab bukan sahaja bertanggungjawab di sisi manusia tetapi bertanggungjawab di sisi Allah Subhanahuwataala.

Saya sungguh curiga di atas Fasal 5 seksyen 312 ini kerana pendapat ataupun pandangan beberapa rakan-rakan kalau ini dimaksudkan menggugurkan bayi atau menggugurkan kandungan oleh sesuatu muslihat maka ini amat diragukan.

Para ulamak Fiqah tidak dapat memberikan persetujuan untuk membolehkan seseorang itu menggugurkan kandungannya terutama sekali kalau kandungan itu telah dinamakan janin. Maksudnya telah mempunyai bentuk dan telah mempunyai roh yang telah ditiupkan oleh Allah s.w.t. ke dalam bayi itu. Jadi kalau maksud ini di atas keseksaan seseorang wanita yang mengandung oleh kerana dirogol, kemudian dia merasakan gelisah di atas kandungan itu maka undang-undang ini mengatakan boleh digugurkan oleh kerana muslihat wanita tadi maka saya dengan tegas menjelaskan bahawa ini Islam tidak membenarkan. Malahan Islam boleh membenarkan menggugurkan kandungannya ini kalau sekiranya kandungan itu belum berbentuk manusia. Itu pun dalam tahap keharusan, kalau sekiranya menjadi permasalahan kepada ibu yang mengandung. Dan saya pun rasa sekarang ini pun para doktor kita teiah pun menjalankan usaha-usaha dan kerjanya iaitu manakala seorang ibu mengandung apabila diperiksa dan diteliti bahawa ibu ini akan menjadi mudarat dan akan mendatangkan kecelakaan atas dirinya kalau sekiranya kandungan ini diteruskan. Maka doktor menasihatkan si suami supaya dibenarkan isterinya dibedah. Itu pun kalau



sekiranya suami itu membenarkan.

Dan begitu juga dalam satu permasalahan yang lain kalau ibu itu telah mengandung 7 bulan ke atas maknanya bayi yang dikandung ini telah matang dan boleh dilahirkan secara pembedahan, itu pun para doktor menasihatkan suami supaya menyetujui untuk isteri itu dibedah. Kalau ini telah dapat dilakukan oleh para doktor maka saya tidak nampak kenapa Fasal 5 ini harus kita perluaskan. Saya bimbang kerana inilah satu peluang bagi mereka yang tidak bertanggungjawab baik dari apa bangsa, apa agama sekalipun akan berleluasa-lah penzinaan bukan rogol, penzinaan akan berleluasa kerana ini, orang yang berzina ini dalam istilah Islam tidak ada perkataan rogol cuma dikata di situ zina secara terpaksa atau diugut. Itu ada. Kemudian tukar perkataan zina itu kepada rogol tidak ada. Jadi istilah rogol ini hanya timbul daripada perkataan kita.

Jadi dengan sebab itu saya berfahaman kalau zina ini mengikut undang-undang tidak boleh dibuat apa-apa kerana kerelaan bagi dua-dua, lelaki dan perempuan; tidak boleh dikanunkan sebagai undang-undang untuk didera orang ini malahan yang boleh didera ialah orang yang melakukan rogol maka saya tidak bersetuju sama sekali. Malahan selalu kita dapati bahawa perempuan-perempuan yang membuat aduaa kepada Polis setelah dirogol atau setelah dipersetubuhi oleh seorang lelaki pada hal pada permulaannya adalah dengan rela hati, suka sama suka dan membuat perjanjian di antara satu sama lain. Tetapi manakala lelaki yang jadi syaitan ini tidak menunaikan

janjinya si perempuan tadi telah membuat aduan kepada pihak Polis bahawa dia telah dirogol di tempat ini sekian haribulan, pukul sekian. Maka lelaki tadi dibawa ke pengadilan di bawah tuduhan rogol. Ini adalah amat zalim sama sekali.

Jadi, dengan sebab itu saya menarik perhatian kepada saudara yang baru berucap Yang Berhormat Tuan Tan Chong Tak tadi biasanya perkara ini berlaku ialah atas kejinakan di antara satu sama lain. Umpamanya tadi kalau sambut hari birthday, dengan izin, hari jadi, jadi semuanya pun hendak cipta jadi. Yang disambut itu hari lahir, tapi boleh jadi macam-macam. Antara orang muda ini menari melahirkan kemesraan, akhirnya dengan tarian itu menaikkan semangat dan perangsang maka sampai kepada kemuncaknya berlakulah perkara yang tidak baik. Maka itu Allah s.w.t. telah menjelaskan dalam Al-Quran yang bermaksud, "Manusiakah yang lebih arif atau Allahkah yang lebih arif." Kalau Tuhan sendiri sudah kata "jangan kau hampir kepada zina" sebab zina itu adalah satu perkara yang cukup tidak baik, kotor; maka kenapa mereka ini mengambil kesempatan untuk melahirkan unsur-unsur yang membawa kepada zina. Sebab itu saya menarik perhatian kepada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor menyeru wanita-wanita bukan sahaja lelaki-lelaki; wanita-wanita ini harus berwaspada, harus tahu maruah diri jangan cuba membuat penyelewengan.

Sebenarnya kita tahu manusia kalau dia tahu diri dia manusia; kita tahu berapa tinggi degree yang ada pada kita, Semua orang

tahu. Maknanya kalau degree itu sudah tidak boleh ditahan maka mereka ini harus mengundurkan diri jangan meneruskan perjalanannya. Ini perlu. Tetapi kadangkala manakala degree telah naik mereka itu lebih rapat, lebih seronok. Ini yang membawakan kepada keadaan itu. Jadi, dengan sebab itu semua kita orang yang beriman ini takut untuk masuk dalam neraka dan takut untuk ditanya oleh Allah. Semua macam itu. Tetapi macam mana kita hendak menyelesaikan permasalahan ini? Macam mana kita hendak menyelesaikan perkara yang mendedahkan ini.

Maka tidak dapat hendak dicari jalan datanglah Fasal 5 ini. Maka dengan sebab itu saya amat kluatir sebab perkara-perkara yang menjadi perundangan kepada kita ini akan digunakan oleh mereka yang-tidak mempunyai tanggungjawab. Sedangkan undang-undang ini tidak ada orang berani menggugurkan bayi, orang berani membunuh anak yang tidak berdosa yang masih dalam kandungan. Kalaulah dengan hasil perogolan itu boleh mendatangkan kandungan dan boleh melahirkan bayi maka bayi itu tidak mempunyai dosa. Dia tidak minta dia dilahirkan dengan keadaan demikian. Tetapi dia terpaksa lahir di atas kejahatan dua syaitan ini.

Maka anak ini tidak boleh dihukum. Yang boleh dihukum ialah orang yang melakukan kesalahan. Jadi, kalau dikeluarkan kemudahan dan diberikan keluasan ini, bahawa mereka yang kena rogol atau mereka yang berzina, yang dibuat sebagai rogol juga, manakala dia mempunyai kandungan, maka dia boleh mengadu di mana-mana pusat perubatan yang boleh melakukan pengguguran. Maka, dengan sebab itu, saya bimbang.

Kerajaan Malaysia adalah bercita-cita melahirkan satu negara yang kuat, satu negara yang aman, sehinggakan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapan di Pembukaan Parlimen yang telahpun saya cakap di sini mendoakan supaya negara Malaysia ini lahir sebagai satu negara "baldatun taibatun warabbun ghafur". Tetapi dengan banyaknya penzinaan dengan banyaknya lahir anak-anak haram ataupun kita cuba bunuh anak-anak haram ini, maka tunggu, negara ini akan hancur, negara ini akan musnah. Oleh kerana perbuatan ini adalah perbuatan yang paling dikutuk oleh Allah, s.w.t., yang tidak ada mempunyai keampunan. Sebab itu Islam menggariskan penzinaan atau rogol ini pilih antara dua. Sama ada orang ini sudah kahwin atau belum kahwin. Sudah kahwin rejam, belum kahwin, sebat 100 rotan ditengah khalayak ramai. Ini Islam. Oleh kerana kita belum dapat menjayakan ini, maka kita cuba bentuk satu undang-undang yang cuba boleh menakutkan manusia dengan undang-undang ini, kalau boleh takut. Tetapi nampaknya ini bukan menambahkan takut, menambahkan berani manusia untuk melakukan perkara jenayah ini.

Saya tidak nampak jalan dalam Fasal 5, Seksyen 312 ini. Macam mana hendak beri keluasan ini, macam mana hendak beri kecualian ini. Saya tidak nampak jalan, tidak tahulah orang yang membuat

undang-undang ini. Saya tidak tahu, saya tidak nampak jalan macam mana boleh selesaikan masalah ini. Kerana ini kita akan sebagai Dewan yang diamanahkan, wakil Yang di-Pertuan Agong, kita duduk di sini. Kita yang meluluskan, maka kita akan dibicarakan di hadapan Allah s.w.t. Jadi, dengan sebab itu, saya suka menarik perhatian, kalau boleh. Fasal 5 ini cuba digantung buat sementara. Ini pandangan saya, kerana kita terlalu takut di atas keadaan ini, sebab dalam ucapan saya tempoh hari, saya telah membacakan satu ayat di mana Allah s.w.t. berfirman. Mana kita hendak lari?

Tuhan mengatakan, nyatalah berlaku kepesatan di darat dan di lautan itu kerana usaha tangan manusia. Inilah usaha yang kita buat sekarang. Tangan kita yang menulis, tangan kita yang mencatat, tangan kita yang mengatur, maka di atas perbuatan ini kalaulah Allah merasakan kepada mereka sebagai bahagian balasan daripada apa yang mereka lakukan, maka Allah s.w.t. akan menurunkan bala yang besar. Taufan akan datang, ribut akan datang, kecelakaan kepada alam ini akan datang kerana kita telah berani menukar keadaan ini sebab kita takut, kita bimbang. Kerana kita telah mempunyai keluarga dan kita telah mempunyai anak dan sebagainya. Jadi, dengan sebab itu kalau ini dapat dibaca dan difahamkan oleh syaitan-syaitan yang saya sebutkan tadi, maka akan berleluasalah mereka ini melakukan perbuatan terkutuk ini. Dan inipun berkaitan dengan Fasal 6 yang bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi kesalahan menggunakan kekerasan jenayah yang mencabul kehormatan di bawah Seksyen 354, Kanun daripada 2 tahun kepada 10 tahun. Ini, pun termasuk juga.

Dari kajian kita, bahawa perkara rogol ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan perkara mudah. Kerana ini memerlukan kepada

kemudahan. Rogol tidak boleh berlaku kalau tidak ada kemudahan. Lainlah kalau orang itu diikat, disumbat mulutnya, itu kita tidak tahu tetapi selagi orang itu tidak diikat, tidak disumbat mulut, tidak diletakkan pistol di muka dia, ini benda tidak mudah berlaku. Bukan mudah, sebab itu untuk hendak meletakkan hukuman ini amat berat dan begitu juga dalam had umur yang diberikan ini. Kalau ikut kepada Islam, Islam dia baligh sahaja Tuan Yang di-Pertua, kalau perempuan itu walaupun umur 9 tahun kalau dia sudah baligh maka sukatananya dia ini telahpun sampai kepada boleh berkahwin. Ini berlaku kepada Rasulullah s.a.w. kepada Saidatina Aishah. Umur Saidatina Aishah 9 tahun, Rasulullah s.a.w. telah pun bersama dengan Saidatina Aishah. Ini berlaku. Kalau umur kita 9 tahun itu amat rendah lagi daripada 13 tahun.

Jadi, dengan sebab itu, saya tidak menekankan banyak masalah tetapi yang saya hendak tekankan iaitu dalam Fasal 5 ini, saya mencadangkan supaya Fasal ini digantung buat sementara. Yang lain-lain saya setuju untuk disokong. Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby.

4.19 ptg.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun di Dewan yang mulia ini untuk membahas dan menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, telah kita dengar yang disentuh tadi adalah khusus dalam Fasal 5 ini, meminda Seksyen, 312, Kanun tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dalam erti kata yang sebenarnya, kita mengamalkan sistem pemerintahan secara sistem Al-Quran dan benar-benar cara Islam, perkataan "rogol" ini tidak timbul, sebab apakala seorang teruna ataupun seorang dara didapati berzina, disebut 100 kali rotan. Ini belum pasti dua-dua itu hidup. Mungkin dia hidup, kalau hidup dikahwinkan.

Jika didapati mereka ini sudah bersuami dan beristeri, direjam-lah hingga mati. Kalau sekiranya perempuan itu hamil tidak sama sekali dibangkit perkataan rogol, hanya didengar adalah kerana **berzina** kalau direjam sehingga mati. Hal ini sedang dilakukan hukuman sebegini di-Pakistan, di Iran, di Mekah dan sebagainya. Oleh kerana negara kita ini kita tak dapat mengamalkan hukuman seperti ini, maka Kerajaan Malaysia cuba ikhtiar menjatuhkan sesuatu hukuman agar secara perlahan-lahan ataupun mungkin pada satu ketika nanti dapat kita membanteras atau mengurangkan aktiviti yang tak baik.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada hukuman yang disebut ini, semuanya disebut hukuman penjara dilipatganda dan sebagainya sehingga tahun ditambah tetapi tidak ada satu pun yang sebut tentang dirotan. Tempoh hari apakala saya bangkitkan satu soalan kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri mengapa hukuman rotan itu tak dikenakan kepada mereka yang pukau, merompak dan menzalimkan, serba-serbi, termasuk sekali merogol anak gadis orang. Kata Menteri itu, kitalah kena buat undang-undang. Di sini saya fikir pakar undang-undang ataupun pakar-pakar dalam Kementerian yang cuba menyusun pindaan ini mungkin ada dalam pemikirannya untuk ada juga hukuman rotan jika sekiranya pindaan ini tidak berkesan.

Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, hukuman apa sekalipun tanpa rotan ini saya fikir kurang berkesan. Masa pemerintahan Jepun, Jepun telah mengajar kita cara mana hendak berkesanannya kalaulah orang yang salah itu tidak didera betul-betul. Salah satu caranya



adalah dia tidak rotan, dia 'caupu', dia gunakan whip, rotannya adalah lebih hebat, kadang-kadangnya digunakan ekor pari. Jadi kalaulah rotan ini juga boleh digunakan dan juga buat cara baru, mungkin kita akan disalahkan, human right akan dibawa. Mula-mula akan disentuh adalah Bar Council. Majlis Peguam mula-mula akan keluarkan isu ini, tetapi kita fikir kita harus ingat jika betul-betul berkesan perlulah kita pukul canang, ramaikan orang-orang letak satu tempat ini sebelum dia dipenjarakan, kita rotan dia dahulu, 10-10 kalilah, kalau 15 - 15 kali rotan biar khalayak ramai melihatnya. Kita akan dikutuk sepertimana negara Malaysia telahpun dikutuk pada satu ketika dahulu apakala hukuman gantung dikenakan kepada mereka yang mengedar dan menjual dadah dan sebagainya. Pada satu ketika kita dimarah, kita dicerca, tetapi sekarang sudah banyak negara yang marah, yang benci kita, yang tohmahkan kita ini sudah ikut sistem kita.

Saya fikir dalam hal ini kita perlu fikir jugalah, kalau sekiranya keberkesanan ini tidak baik pinda lagilah undang-undang ini, kalau boleh penggal yang kita akan datang sekali lagi ataupun tahun depan supaya rotan itu mesti dikenakan dan mudah-mudahan lamakelamaan mungkin jika semualah pemimpin parti politik kita di sini terima sistem yang kita hendak rotankan itu cara Islam, mudah-mudahan bolehlah kita jalankan. Kalau dia tak terima 100, mulalah dengan 10 atau 20 kali dahulu, kemudian barulah kita tahu dia itu berkesan atau tidak. Itulah sepertimana yang disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi, rogol itu tidak timbul, yang ada dalam Quran adalah perkara isu zina.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kita perlu kaji pula apa yang berlaku di negeri-negeri Islam yang sudah maju, maju ke

mana dan mereka sudahpun mengalami kesulitan yang begini sudah lama, mungkin 100 tahun dahulu mereka sedar masa negara belum maju tidaklah bangkitnya kesulitan, bila sudah maju kesulitannya hebat mereka menghadapi. Jadi inilah sebabnya yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor semalam tentang pendapat ataupun fatwa Dr. Yusof Al-Qadawi dalam kitabnya 'Al-Qitabul Halal wal-haram Fi-Islam' tetapi oleh kerana Yang Berhormat tidak membaca dengan satu persatu, saya fikir saya perlu bacanya kerana kita juga dicabar oleh Ustaz Fadzil Noor, Presiden PAS baru-baru ini. Ini kita tidak hairanlah. Inilah sebabnya Yang Berhormat Dato Yusof Nor pelawa PAS datang sama, marilah sama-sama kita memikul bebanan, baik buruk sama-sama kita mengadap. Kalau duduk luar pagar sudah bising, sampai bilapun, sampai hari Kiamat dia tak puas hati. Apa sahaja undang-undang kita semua tak betul, undang-undang dia yang betul. Jadi dalam hal ini kita tak perlu tunduk begitu sahaja.

Saya perlu baca pendapat alim ulama yang terkenal, Dr. Yusof Al-Qadawi ini secara detail supaya ini dicatat jika sekiranya Sahibul Fadilah Fadzil Noor itu hendak kupaskannya, saya ingat ada tempatnya boleh saya tunjuk kepada beliau di mana perlu datang. Di sini saya perlu bacanya secara detail, tajuk dia "Pengguguran" diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia, Indonesia kata "Abosi".

"Apabila Islam telah membolehkan seorang Muslim untuk mencegah kehamilan kerana suatu alasan yang mengharuskan, maka dibalik itu Islam tidak membenarkan menggugurkan kandungan apabila sudah wujud. Seluruh ulama, ahli fiqih sudah sepakat (consensus) bahawa pengguguran kandungan sesudah janin diberi nyawa hukumnya haram dan suatu tindak criminal yang tidak halal bagi seorang Muslim untuk melakukannya."

Sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

kerana perbuatan tersebut dianggap sebagai pembunuhan terhadap orang hidup yang wujudnya telah sempurna. Para ulama itu mengatakan oleh kerana itu pengguguran semacam ini dikenakan 'diat', yakni denda pembunuh. Apabila si anak lahir dalam keadaan hidup, kemudian mati dan dikenakan denda kurang dari 'diat' (denda pembunuhan) apabila si anak lahir dalam keadaan sudah mati. Namun demikian, mereka juga berkata apabila dengan penyelidikan yang dapat dipertanggungjawabkan kebenarannya bahawa hidupnya anak dalam kandungan akan membahayakan kehidupan si ibu, maka syariat Islam dengan kaedah-kaedahnya yang umum memerintahkan untuk mengambil salah satu darurat yang paling ringan.

Apabila kehidupan si anak itu menyebabkan ajalnya siibu, sedang satu-satunya jalan untuk menyelamatkannya ialah pengguguran, maka waktu itu diperkenalkanlah menggugurkan kandungan. Siibu tidak boleh dikorbankan justeru untuk menyelamatkan anak, sebab ibu adalah pokok dan hidupnya pun sudah dapat dipastikan, dia mempunyai hak kebebasan hidup, dia mempunyai hak dan dilindungi oleh hukum dan dia adalah tiang rumahtangga. Justeru itu tidak nasional kalau kita korbakan dia guna menyelamatkan janin yang belum tentu hidupnya dan belum memperolehi hak dan kewajipan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, inilah yang diamalkan di Malaysia. Saya percaya lepasan Al-Azhar ramai kita ada alim ulamak di sini, dan tidak salahnya kalau kita gunakan fatwa ini. Saya juga sedar amaran yang dibuat oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat tadi tentang salah gunakan fasal ini, kerana Imam Ghazali tidak bersetuju kecuali mereka yang didapati betul-betul diakui oleh doktor yang beramanah atas kesulitan yang dibangkitkan itu, benar-benar dia memberi perakuan. Sebab itu kita juga bimbang jika sekiranya kelulusan ini diberi, ia dijadikan satu perkara yang mudah ataupun kata dalam bahasa Inggeris 'abused', mereka ingin menggunakan Kanun Keseksaan ini untuk tujuan tertentu dengan mengambil kesempatan untuk memudahkan mengatasi masalah rumit mereka. Ini tidak dibenarkan.

Perlulah kita bersungguh-sungguh di dalam hal ini. Tetapi bagi permulaan dan bagi percubaan, saya sokong dan jika sekiranya didapati ada hal penyelewengan, hal-hal yang menyebabkan seolah-olah kita ini di bodoh-bodohkan, maka perlulah kita pinda balik semula dan saya hendak cadangkan supaya dirotankan mereka dengan dihukum

panjara. Sebab ada satu kes, Tuan Yang di-Pertua, semalam di dalam suratkhbar **Utusan Malaysia** ada satu tajuk 'Dituduh rogol anak'. Kandungan ceritanya begini. Seorang lelaki dari Tanjung Gading, Muar dihadapkan ke Mahkamah Tengah atas dua tuduhan berzina dan marogol anak perempuannya sendiri yang berumur 12 tahun. Di bawah Seksyen 376 Akta Rogol, beliau boleh dihukum penjara 20 tahun, denda dan sebat dengan rotan, jika sabit kesalahan, Sebat itu tiada siapa yang nampak. Mungkin kita dengar dia dimukim 20 tahun penjara, mungkin dia kena denda, tetapi sebat itu tiada siapa yang nampak. Jadi, perlulah kalau boleh kita cubakan sistem baru ini.

Sekarang marilah kita lihat keadaan budak perempuan yang berumur 12 tahun tadi. Jika hamil, apakah tidak ia mendapat seksaan mental atau dengan izin, mental torture, malu dan aib, itupun cukuplah untuk menyeksanya sehingga ia tua. Jadi, dengan bukti dan keterangan daripada doktor yang memeriksanya, maka jika pengguguran di peringkat awal lagi diperakukan oleh doktor, budak itu tidak jadi kurang gila (kita kata gilalah terus) dan mendapat sesuatu kesakitan ataupun penyakit yang mana doktor sendiri mengetahuinya. Maka Undang—undang Kanun Keseksaan, Seksyen yang tersebut, iaitu Fasal 5 ini boleh digunakan.

Hal yang kita perlu tekankan di sini, janganlah ada penyelewengan, janganlah digunakan isu ini sebagai satu perkara yang mudah, yang senang, buat apa pun tiada siapa yang tahu. Mengadu nasib tetapi kalau kena, masa itu baru mengadap.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tempohkan mesyuarat ini selama 30 minit.

**Persidangan dtempohkan pada pukul 4.45 petang.**

**Persidangan disambung semula pada pukul 5.25 petang.**

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN)**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby sedang bercakap tadi. Sila sambung.

5.35 ptg.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang saya sambung lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ilmu fiqh dalam Islam ada sebut bahawa kemudaratan yang lebih berat dihilangkan dengan kemudaratan yang ringan. Dalam bahasa Arab ada sebut yang maksudnya, apabila kemudaratan yang lebih berat tidak dapat dihindarkan atau dihilangkan kecuali dengan menanggung kemudaratan yang lebih ringan, maka ditanggung kemudaratan yang lebih ringan untuk menolak atau menghindarkan kemudaratan yang lebih berat.

Tuan Yang di-Pertua, di segi ilmu fiqh ada beberapa contoh disebutkan perempuan yang mengandung mati walhal bayi dalam perutnya masih hidup dan bergerak-gerak dalam rahimnya maka boleh dibedahkan perutnya untuk meyelamatkan bayi dalam rahim apabila bayi itu ada harapan hidup kerana kemudaratan matinya lebih besar.

Satu lagi contoh iaitu seekor ayam menelan mutiara atau berlian yang tidak dapat dikeluarkan daripada perutnya kecuali dengan menyembelihnya maka mutiara atau berlian harus mengambil

ayam dengan membayar harga yang setimpal yaag berpatutan kepada tuannya ayam itu. Ini adalah beberapa contoh.

Tuan Yang di-Pertua, pada kaedah tersebut timbul beberapa kaedah yang lain apabila ada pertentangan di antara dua kerosakan, kemudaratan hendaklah dihindarkan yang lebih berat dengan dilakukan yang lebih ringan. Kaedah yang serupa dengan ini ialah kaedah menolak kerosakan lebih utama dari menarik kemuslihatan seperti mana yang telah pun saya menyarakan lebih dahulu tadi.

Dalam fiqh disebutkan "darul mafasid mula mengambil masalah", apabila ada pertentangan di antara kerosakan dan kemuslihatan pada kebiasaannya hendaklah diutamakan menolak kerosakan kerana syarak lebih mengambil berat perkara-perkara tegahan daripada suruhan. Sebab itu Nabi Muhammad S.A.W bersabda, "idzaa amartukum bi amrin fa' tu minhu mastata'tum, wa idza nahaitukum an syai'in fajtanibuhu" maknanya apabila aku menyuruh kamu dengan sesuatu hendaklah kamu membuat menurut apa yang kamu kuasa dan apabila aku melarang kamu daripada sesuatu, hendaklah kamu menjauhinya. Makna muslihat ialah perkara yang boleh mendatangkan faedah kepada urusan manusia yang merangkumi perkara yang diwajibkan oleh syarak atau yang diizinkan.

Jadi pengertian menolak kerosakan lebih diutamakan daripada menarik kemuslihatan iaitu jika perbuatan yang disuruhkan atau diizinkan itu melibatkan berlakunya perkara yang dilarang syarak, maka hendaklah ditinggalkan perbuatan suruhan itu. Dalil yang menunjukkan kaedah Hadis Rasulullah S.A.W. tadi mengingatkan pelaksanaan suruh dengan kuasa atau kesanggupan. Sebaliknya Hadis itu mengikat penutupan pintu kerosakan sama sekali maka tidak

harus melakukan kerosakan kecuali dalam keadaan darurat atau terpaksa. Ini membawa erti bahawa perkara-perkara yang wajib itu boleh dipengaruhi oleh maskhah iaitu kesukaran atau kepayahan yakni syarak membesarkan hukum rashah atau keringanan di masa ada kesulitan atau kepayahan. Keadaan ini agak berbeza daripada perkara-perkara yang diharamkan syarak sebab tidak boleh melakukan perkara yang haram kecuali dalam keadaan darurat yang mengancam jiwa atau menjadikan seseorang gila atau merosakkan nama baik agama, kesucian Islam dan sebagainya.



Tuan Yang di-Pertua, kata Fuqaha kaedah yang disyaratkan kerosakan itu lebih berat dan di samping itu tidak ada darurat. Contoh lain pula ialah doktor yang terpaksa melihat sebahagian aurat perempuan yang diubatinya kerana perempuan itu terpaksa. Di sini muslihat pesakit lebih besar untuk menjaga kesihatannya walhal kerosakan melihat sebahagian aurat itu kecil sahaja dan banyak lagi contoh-contoh masalah dalam perkara ini. Jadi ini adalah didapati di dalam kitab Ahmad Fahmi Albusna.

Walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua perkara dalam hal ini yang banyak dipertikaikan itu adalah dalam Fasal 5 bertujuan meminda Seksyen 312 Kanun Keseksaan yang tadi banyak kita membahaskan. Oleh kerana negara ini bukan penduduknya semuanya orang Islam, jadi masalah yang timbul, Malaysia tidak dapat menjalankan hukum Islam dalam erti kata yang sebesar maka fasal ini diwujudkan untuk penduduk majmuk di Malaysia.

Seperti yang saya sarankan tadi niat Kerajaan mungkin baik seperti artikel tadi yang, saya bacakan tajuk cerita yang keluar semalam dalam suratkhbar Utama sama ada benar atau tidak banyaklah peristiwa kejadian, yang sudah berlaku. Tetapi sama ada perlaksanaan ini betul-betul dijalankan seperti mana yang kita kehendaki dalam seksyen yang disebutkan tadi.

Saya juga bersetuju dengan pendapat beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dari orang Islam kita, kalau kita salah buat sesuatu keputusan kita semua aama menanggung dosa. Dosa kita akan, disoal kemudian hari, kerana kita menyokongnya, pada hal kita mengerti dan kita sedar yang kita sokong itu bukan membawa faedah tetapi membawa kita rebah.

Inilah sebabnya saya seperti mana rakan-rakan gaya tadi menyarankan kepada Kerajaan agar janganlah ini menjadi satu perkara permainan ataupun satu hal yang boleh dijadikan bahan ketawa. Kalau dilaksanakan betul-betul seperti mana yang saya katakan tadi, sulamkan samalah cara-cara kelslaman kita iaitu disebabkan juga. Usaha kita juga dijalankan kemudian ini untuk meminda, kalau ada masanya, jika tidak berkesan pinda lagi dan masukkan juga elemen sebab dengan rotan di khalayak ramal. Entahlah mungkin di suatu masa nanti, semua kita dari masyarakat majmuk boleh bersetuju dengan cara itu. Kalau sudah bersetuju saya yakin perbuatan-perbuatan yang dikutuk oleh Allah mahupun tidak dapat kita hapuskan sama sekali, nescaya kita dapat mengurangkannya.

Maka dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta uatuk meminda Kanun Keseksaan. Sekian.

### **5.35 ptg.**

**Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahar suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan.

Fasal 5 bertujuan meminda Seksyen 312 kanun untuk memperluaskan kekecualian yang seseorang pengamal perubatan berdaftar boleh menamatkan sesuatu kehamilan. Dengan pindaan ini seseorang pengamal perubatan berdaftar boleh menamatkan suatu kehamilan bukan hanya bagi menyelamatkan nyawa tetapi juga dalam hal-hal di mana penerusan kehamilan itu akan melibatkan kecederaan kepada kesihatan fizikal atau mental perempuan yang hamil itu yang lebih daripada jika kehamilan itu ditamatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 pindaan Seksyen 312 Kanun ini membolehkan pengamal perubatan berdaftar untuk menamatkan suatu kehamilan atas alasan-alasan tadi iaitu menyelamatkan nyawa dan penerusan kehamilan itu akan melibatkan kecederaan kepada fizikal atau mental perempuan yang hamil itu yang lebih daripada jika kehamilan itu ditamatkan. Pengecualian ini pada dasarnya membolehkan penamatan kehamilan oleh pengamal perubatan. Ini bermakna peruntukan undang-undang ini membenar dan mengesahkan dari segi undang-undang penamatan kehamilan ini dan adalah bertentangan dengan priasip-prinsip moral bukan sahaja agama Islam walaupun di segi Islam sendiri ada alasan-alaaan dari segi keselamatan. Hakikatnya penamatan kehamilan adalah ditentang tetapi masih diberi pengecualian jika ianya adalah bagi tujuan menyelamatkan nyawa siibu.

Di sini yang dipentingkan ialah nyawa siibu. Pengecualian ini boleh diterima seperti yang diperuntukkan di dalam undang-undang yang ada dan juga oleh undang-undang yang ada pada kita. Pertimbangan di sini pindaan yang dikemukakan bukan sahaja memperluaskan alasan penamatan kehamilan bahkan ianya membuka pintu membolehkan penamatan kehamilan dijalankan. Perlu kita ingat tujuan utama peruntukan ini dibuat ialah untuk menyelamatkan mangsa-mangsa rogol tetapi hanya perlaksanaan undang-undang ini tidak memerlukan pembuktian rogol itu. Jika seseorang itu hanya mengatakan yang ia telah dirogol ianya tentu dibuktikan. Jika menunggu bukti mungkin masanya akan berlarutan.

Sila Yang Berhormat Menteri terangkan bagaimana perlaksanaan undang-undang ini dapat menentukan yang peruntukan penamatan kehamilan tidak akan dapat dipraktikkan, dengan seluas-luasnya, Apakah tindakan mengawal tindakan penamatan kehamilan jika peruntukan undang-undang ini diluluskan? Kita tidak mahu abortion, dengan izin, disahkan di negara ini.

Dengan secara tidak langsung dengan pelaksanaan undang-undang ini kita menentang sekeras-kerasnya peruntukan ini, jika ia tidak dapat mengawal abortion bagi tujuannya.

Pindaan tambahan dalam hal-hal di mana penamatan penghamilan itu akan melibatkan kecederaan kepada kesihatan, fizikal atau mental perempuan yang hamil itu adalah lebih daripada jika kehamilan itu diterus atau ditamatkan.

Kita pada membuktikan kecederaan kepada kesihatan atau mental yang lebih tepat susah hendak dibuktikan terutama jika ia diserahkan kepada Pegawai Perubatan yang tidak mempunyai prinsip-prinsip agama atau mereka yang mementingkan kepada kebendaan. Kerana bukan sahaja perlu dibuktikan kepada kecederaan kesihatan atau mental tetapi kecederaan tersebut adalah lebih daripada jika kehamilan itu diteruskan.

Kelahiran bayi belum lagi berlaku terutama dari aspek mental. Kita tidak mahu bayi yang membesar yang membawa rahmat dan kebahagiaan, siapakah yang dapat menentukan kecederaan mental itu sendiri.

Dengan itu, saya suka mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dipinda dan ditangguhkan. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang.

**5.41 ptg.**

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut sama-sama pada hari yang akhir ini membahas Rang Undang-undang ini bersama-sama dengan rakan-rakan sejawat di Dewan yang mulia ini.

Saya juga berterima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah membentangkan Rang Undang-undang ini pada hati semalam dan sebab Rang Undang-undang inilah berlaku sedikit sebanyak kejutan kepada kami Ahli-ahli Dewan yang kemungkinan berlaku di Dewan ini belum dipastikan lagi.

Pada sebahagian undang-undang ini saya juga bersetuju tetapi tidak mengatakan menyokong. Saya bersetuju pada dasarnya diwujudkan undang-undang ini ditambah hukumannya serta dendanya sekali. Saya juga bersetuju dengan saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat saudara saya Tuan Haji Hamid Araby supaya rotan ditambah kepada mereka yang melakukan jenayah terutama sekali rogol.

Tuan Yang di-Pertua oleh kerana saya beniat hendak bercakap pendek sahaja maka undang-undang ini pindaannya di Fasal 5, Seksyen 312 yang menyatakan bahawa dibolehkan harta oleh agama Islam melakukan sesuatu ke atas ibu ataupun anak demi menyelamatkan satu nyawa tidak mesti anak diselamatkan matikan ibu, dan tidak mesti ibu diselamatkan, matikan anak. Sebab sekalipun dalam Islam ada mengatakan seperti disebut oleh saudara saya, ringan mahu digunakan, berat ditinggalkaa. Tetapi kalau ibu ini sudah dipastikan oleh para doktor bahawa dia tetap akan gila tidak berguna lagi dan anaknya belum pasti gila maka anak itu diperlukan juga. Demikian juga cacat fizikal.

Dalam pengertian saya, fizikal ini kepada satu orang manusia dari kepalanya sampai ke kaki. Apakah jenis fizikal yang cacat ini yang boleh merosakkan ini kerana mengandungi terutama sekali yang melahirkan anak-anak haram. Dengan wujudnya undang-undang ini dan dikuatkuasakan di dalam negara ini, bukan sahaja melibatkan orang-orang Islam malah seluruh rakyat negara ini yang terdiri daripada bukan orang-orang Islam.

Jadi, sebelum undang-undang ini dikuatkuasakan di dalam negara, maka sudah tentu sebagai sebuah Kerajaan harus memikirkan kepentingan kependudukan rakyatnya itu sendiri dan imej negara ini kepada negara-negara di dunia luar.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam undang-undang ini juga umum menyebut memberi peluang atau tauliah kebenaran kepada pengamal-pengamal perubatan tidak disebut berapa ramaikah kumpulan pengamal perubatan ini yang ianya seolah-olah terbentuk sebuah panel perubatan sama ada dalam bentuk Kerajaan ataupun swasta. Umum disebut di sini.

Kalau dalam undang-undang ini disebut "memberhentikan kehamilan ini mesti dibuat oleh para doktor Kerajaan sama ada ianya terdiri daripada doktor-doktor Islam atau tidak, kerana di dalam Islam boleh membenarkan doktor yang bukan Islam mengubati orang-orang Islam. Demikian juga sebaliknya." Tidak disebut di sini. Maknanya kalau tidak disebut di sini, kalau saya sendiri misalnya sebagai seorang doktor, pengamal perubatan boleh melakukan apa sahaja apabila upahnya lebih mahal. Apakah kita tidak takut atau tidak sedar perkara yang berlaku hamil ini tanpa dirogol kerana tidak mahu anak

maka kita hentikan. Hentikan ini tidak disebut pula berapa bulan umurnya. Pada pentafsiran saya umur yang dihentikan ini sehingga umurnya sembilan bulan di dalam kandungan boleh dihentikan lagi. Ertinya waktu itu sedang berlaku satu pembunuhan kerana anak ini sudah bernyawa dan tunggu hari lahirnya sahaja. Tetapi sewaktu ia sebulan dua bulan mungkin kita tidak terasa.

Untuk makluman Dewan yang mulia, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pernah melihat dengan mata kepala saya seorang kanak-kanak dikeluarkan dari perut ibunya dengan dipotong bahunya kiri kanan, dan pehanya kiri-kanan. Apakah ini tergamak dilakukan di dalam negara ini? Itu sewaktu ibunya memerlukan nyawa untuk hidup. Tetapi ibunya tidak sempat 12 jam dia juga meninggal. Siapakah doktor yang berani menyatakan bahawa ia akan hidup. Cuma ini semata-mata ramalan mengikut kebiasaan, kebolehan, pelajaran yang dipelajari oleh para doktor itu sendiri.

Jadi kita juga rasa khuatir, kalau undang-undang ini diterima pada petang yang mulia di Dewan yang mulia ini akan diambil peluang ataupun diambil kesempatan oleh para doktor yang tidak senonoh. Saya tidak mengatakan para doktor yang senyuman. Berapa banyak para doktor yang memerlukan wang. Bukti nyata, kerana ada di antara doktor-doktor terpaksa berhenti daripada jawatan Kerajaan membuka klinik sendiri sesungguhnya dia menyatakan mahu berkhidmat kepada rakyat. Tetapi wang lebih utama. Dengan sebab itu, negara Malaysia ini akan menjadi sebuah negara yang maju hatta sebelum tahun 2000 sekalipun.

Apabila maju negara, maka rakyatnya lebih maju dan lebih cerdik. Kalau cerdik ini untuk membina negara dan rakyat demi kebaikan akhlak penduduknya, jawabnya Alhamdulillah. Kita takut kesempatan ini, kerana orang kata budi bahasa kadang-kadang tidak berguna lagi, kalau wang sudah berlonggok.

Dengan sebab itu, perlulah undang-undang ini dihalusi, diteliti, ditulis begitu rapi kerana ianya akan dilaksanakan. Apabila undang-undang ini dilaksanakan maka rakyat negara ini akan tanggung akibat daripada perbuatannya dengan ada sekatan-sekatan dibuat oleh undang-undang.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdiri pada petang ini di sini, dengan perkataan rasa dukacita, tidak menyokong undang-undang ini dan mencadangkan supaya undang-undang ini dipulang kembali ke Dewan Rakyat supaya dikaji, diteliti, dihalusi harta sekalipun dipinda. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua: Sila.**

**5.50 ptg.**

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk bersama-sama membahaskan dan memberikan pandangan-pandangan pro/kontra saya kepada Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda kanun Keseksaan (N.M.B. Bab 45), yang dinamakan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 1989.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mengkaji keseluruhan pindaan kepada Akta ini, setelah mendengar penjelasan-penjelasan, huraian-huraian daripada Timbalan Menteri yang membentangkan pindaan ini, maka saya ingin memberikan pandangan dan pendapat saya dan menyentuh beberapa Fasal-fasal di dalam Akta yang berkenaan ini,

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai Fasal 3 dan 4 yang bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi jualan buku-buku lucah dan sebagainya, saya berpendapat, Fasal ini harus disokong dan memang sangat baik, kerana pada ketika ini negara kita seolah-olah telah diserang oleh penyakit bahan-bahan lucahan, sama ada berbentuk media cetak dan juga media elaktroknik. Saya menyebutkannya media, kerana seolah-olah kadangkala sudah jadi bentuk media.



Umpamanya sama ada Kerajaan atau Kementerian Dalam Negeri terutamanya Penapis bagi pihak Lembaga Penapis Filem/Video dan juga hal-ehwal majalah serta bahan bacaan, sedar atau tidak, ada video-video tape yang dijual di merata-rata dengan mudah boleh dibeli. Tajuk di luarnya, katalah cerita itu 'Love Story'. Introduksinya tidak ada yang menjolok mata, pertengahan filem yang berkenaan nauzubillah. Semua babak-babak di ranjang yang liar, mendebarkan, merangsangkan dan bagi orang-orang yang takwa menakutkan, kelihatan dipaparkan dengan nyatanya.

Pernah kejadian sebuah video yang tajuk ceritanya ialah 'Hollywood City' di dalamnya ditonton oleh pelajar-pelajar. Di pertengahan cerita terdapat babak-babak lucu yang tidak wajar ditonton oleh mereka yang berumur 18 tahun ke bawah atau oleh mereka yang maaih bujang, dara dan teruna. Ada di situ, babak yang termasuk dalam Akta ini iaitu perhubungan jenis, saya tukar perkataan perse-tubuhan itu dengan perhubungan jenis di luar tabii, seorang wanita berhubung dengan seekor anjing.

Pita-pita **ini**, video-video ini terjual dengan bebasnya dan ada pula tempat-tempat yang menjadi video centre menyimpan video-video yang begini bentuknya dan ada pula code word-code wordnya, kalau kita perlu dengan video-video berkenaan. Lebih dahsyat daripada the blue film, dengan izin. Ini, tuan Yang di-Pertua, bukan 'blue', lebam sekali **[Ketawa]**. Demikian juga mengenai majalah-majalah lucu. Kita mungkin tidak sedar dalam KBN yang dikeluarkan untuk majalah-majalah hiburan terdapat banyak gambar-gambar itu yang kurang sihat dan termasuk dalam istilah lucu. Katalah teruna dara berpeluk-pelukan dengan pakaian yang menjolok mata dan gambar itu memfokus sebahagian, daripada anggota dua jenis jantina ini seolah-olah membayangkan pertemuan-pertemuan hubungan jenis. Tarian,

disiarkan di TV3 tak lama dahulu, bagaimana seorang penari jelita dalam bentuk tarian ballet, menarikan tarian-tarian seks dengan jelas dan nyata ditonton oleh semua orang tidak ada penapisan.

Saya syukur dengan Fasal ini, kerana ini amat membimbangkan. Kita tidak mahu nantinya, Tuan Yang di-Pertua, jadi seperti kata pepatah Melayu: Lulus jarum, luluslah kelindan. Kalau sudah majalah-majalah boleh menyiarkan gambar-gambar lucah, gambar-gambar yang berunsurkan seks yang merangsangkan, video-video filem apatah lagi filem-filem, dan mungkin juga filem-filem mereka akan datang, perlahan demi perlahan menghalalkan bahan-bahan lucah menjadi perkara yang normal, biasa maka apa akan jadi dengan Malaysia Mungkin Malaysia akan jadi seperti negara-negara Barat yang terlalu teruk dilanda keruntuhan akhlak hingga menghalalkan anak-anak di luar nikah hingga menghalalkan Islam berkahwin dengan lelaki.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi dalam hal ini yang saya ingin sentuh ialah mengenai benda-benda lucah. Tuan Yang di-Pertua, di Kuala Lumpur ada banyak kedai boleh dibeli alat tiruan lelaki benda lucah, alat tiruan lelaki. Tetapi saya belum pernah diberikan kefahaman atau mengadu dengan saya, alat tiruan perempuan/wanita. Alat tiruan lelaki ya ada dan juga bahan-bahan menyeronokkan untuk tujuan hubungan jenis yang membahayakan kepada pihak wanita. Pihak lelaki saya bawa pepatah Melayu yang menyebutkan, apalah oleh kukur atau parut, kelapa juga yang binasa.

Undang-undang ini saya tahu matlamat utamanya untuk melindungi wanita. Tetapi kadangkala undang-undang yang melindungi wanita ini juga, kalau disalahertikan disalah tafsirkan, tambah pula loyar-loyar buruk banyak di Malaysia, maka ianya seperti boomerang, kembali menyiksa wanita iaitu seperti Fasal 5, Fasal yang menjadi satu isu yang paling kontroversi dalam Akta ini, Fasal 5, Seksyen 312 di mana kawan-kawan saya telah menyebut dengan jelas sama ada daripada fakta-fakta keagamaan, fakta-fakta moral dan fakta-fakta kemanusiaan.

Saya ingin membawa dari dua fakta mengenai Fasal ini. Yang pertama, kemanusiaan kerana kalau kemanusiaan itu merangkumi semua agama, merangkumi semua aspek-aspek kemanusiaan. Kita memang faham dari segi kemanusiaan seseorang yang telah dirogol, sudahlah dirogol, mengandung pula, maka terpaksa menanggung beban, maka kalau dibenar digugurkan selamatlah ia daripada penderitaan jiwa. Ya, betul undang-undang, ini memang itu tujuannya, Fasal ini memang itu tujuannya, tetapi perkataan di sini yang boleh dimengertikan berbagai-bagai cara terutama yang mahu mengambil kesempatan yang tidak bertanggungjawab, bukan semua doktor, best-best, Tuan Yang di-Pertua, bukan semua, mereka juga manusia yang punya nafsu, yang punya cita-cita, yang perlu kepada kebendaan, kekayaan, yang ada juga antaranya tamak haloba dan tidak berperikemanusiaan. Dengan hormatnya, bukan semua para doktor itu terdiri daripada mereka yang kesemuanya bagus-bagus belaka.

Perkataan di sini yang saya rasa mudah dieksploitasikan dan agak abstract ialah, dengan pindaan ini seseorang pengamal perubahan, maaf Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan di mana kuncinya, kunci perkataan yang boleh bab ini, fasal ini dieksploitkan atau dipusing-pusingkan maknanya. Pernah kejadian, Tuan Yang di-Pertua, di mahkamah dahulu ingatkah kenyataan bertulis, dengan tak bertulis,

Timbalan Yang di-Pertua Maaf, Ahli Yang Berhormat, terpaksa pernah berlaku sampai tergantung, UMNO...

saya menanggung mesyuarat ini selama 15 minit dan Yang Berhormat boleh sambung semula.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Persidangan ditempohkan pada pukul 6.02 petang.**

**Persidangan disambung semula pada pukul 6.30 petang.**

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN)**

**Perbahasan disambung semula.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula. Sila Yang Berhormat Puan Ainon.

**6.32 ptg.**

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, waktu Dewan ditangguhkan, saya sedang membawa perkara di dalam Akta ini iaitu Fasal 5 yang bertujuan meminda Seksyen 312 Kanun untuk memperluaskan kekecualian yang seseorang pengamal perubatan berdaftar boleh menamatkan sesuatu kehamilan.

Tadi saya menyebutkan bahawa perkataan inilah yang pada fikiran saya boleh menjadi satu kunci eksploitasi, salahgunaan, penyelewengan atau pengertian. Kerana dengan adanya perluasan atau memperluaskan kekecualian, penamat hamil atau perkataan ringkasnya menggugurkan kandungan ini amatlah kita bimbangkan kalau-kalau nantinya pindaan ini yang bertujuan untuk meringankan beban yang menjadi mangsa perogolan akan digunakan juga kepada perkara-perkara yang membawa unsur mengizinkan pengguguran dengan tujuan-tujuan tidak mahu bertanggungjawab kepada perkara keseronokan yang dilakukan. Ini juga kita khuatir kalau-kalau akan memberikan peluang kepada mereka yang tidak bertanggungjawab menggunakan fasal ini bagi meluluskan kerja-kerja yang tidak bertanggungjawab. Saya mengharapkan sangat supaya fasal ini diberikan perhatian dan penelitian yang berat kepada pelaksanaannya supaya tidak ada salah mengerti,

selewengan atau salah guna penggunaan, kefahaman akan berlaku dengan fasal yang berkenaan yang satu ketika nanti boleh menyebabkan jejasnya imej negara kita bukan sahaja dari segi keagamaannya terutama agama Islam sebagai agama rasmi juga kepada pertumbuhan suriat dan kemanusiaan di negara Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai fasal-fasal yang lain sesungguhnya saya menyokong penuh kerana dengan adanya peningkatan kepada hukuman-hukuman maka diharapkan perkara-perkara perogolan, perkara-perkara pemerasan, kecurian dan yang lain-lainnya akan dapat diredakan kalau pua tidak boleh dihapuskan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah itu saya menyokong pindaan kepada Akta yang berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**6.35 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas pandangan-pandangan, teguran-teguran, ingatan-ingatan dan cadangan-cadangan dalam perbahasan ini yang disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya tidak perlu mengulas apa-apa, kerana Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengulas lebih jelas dalam perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Saya bersama-sama dengan Yang Berhormat Presiden Senate, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hussein Ahmad dan Yang Berhormat Senator Tuan Mohamed Farid Ariffin berjanji akan menyampaikan segala pandangan-pandangan dan nasihat-nasihat dari Ahli-ahli

Yang Berhormat terutamanya dari UMNO kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mencari dalam soal ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui,

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 33** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedan dan Ketiga****6.39 ptg.**

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keterangan 1950 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mendapati bahawa ada satu peruntukan dalam Akta Keterangan yang tidak lagi sesuai dalam keadaan masa kini. Peruntukan yang dimaksudkan itu ialah mengenai keterangan yang boleh dikemukakan dalam prosiding berkenaan dengan kesalahan rogol yang terlalu memihak kepada tertuduh dan mendedahkan di pengadu atau mangsa rogol kepada serangan-serangan ke atas latar belakang sejarah seksnya.

Bagi memperimbangkan di antara kepentingan pihak tertuduh dan pengadu, Kerajaan bercadang meminda peruntukan-peruntukan tersebut.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta Keterangan ini melibatkan pemasukan satu seksyen baru 146A ke dalam Akta dan pemotongan perenggan (d) yang sedia ada daripada seksyen 155 Akta. Kedua-dua pindaan yang dicadangkan ini mempunyai perkaitan antara satu sama lain.

Bagi memberi gambaran yang lebih jelas ke atas asas-asas bagi kedua-dua cadangan pindaan yang telah disebutkan tadi, saya akan menghuraikan terlebih dahulu pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 155 Akta sebagaimana terkandung dalam Fasal 3 Rang Undang-undang yang bertujuan memotong perenggan (d) daripada seksyen tersebut.

Peruntukan perenggan (d) seksyen 155 yang ada sekarang membenarkan seseorang yang didakwa atas kesalahan rogol atau cuba memperkosa mengemukakan keterangan di mahkamah bagi menunjukkan bahawa si pengadu atau si mangsa itu pada amnya berwatak lucah. Tujuan keterangan sedemikian ialah untuk mencabar kebolehpercayaan atau 'credibility', dengan izin, keterangan, yang diberi oleh si pengadu apabila dia memberi keterangan sebagai saksi. Peruntukan di bawah seksyen 155(d) ini seringkali digunakan oleh pembela untuk mendedahkan latar belakang seks pengadu yang kadangkala tidak berkaitan langsung dengan hal perkara pertuduhan. Oleh itu tidak hairanlah prosiding-prosiding berkenaan dengan kesalahan rogol sentiasa menarik perhatian umum yang mengikuti perbicaraan itu untuk menikmati pendedahan latar belakang seks si mangsa yang akan dibongkar satu persatu oleh pembela. Dengan yang demikian, dalam prosiding-



prosiding berkenaan dengan kesalahan rogol, tumpuan perbicaraan tersebut akan berpindah kepada si pengadu seolah-olah dia sedang dibicarakan. Si pengadu yang sepatutnya diberi perlindungan ini tertakluk pula kepada satu situasi lain yang memburukkan lagi tekanan jiwa dan penderitaan batinnya. Sekiranya peruntukan-peruntukan sedemikian dikekalkan, adalah dikhuatiri bahawa mangsa-mangsa rogol tidak akan berani untuk tampil ke hadapan membuat aduan sekiranya dirogol kerana takutkan pendedahan latar belakang seksnya. Keadaan ini mungkin boleh mendorong perlakuan kesalahan rogol ini ke atas perempuan-perempuan yang berwatak sedemikian.

Bagi memberi perlindungan yang sewajarnya kepada mangsa-mangsa rogol ini dalam satu perbicaraan maka adalah dengan ini dicadangkan supaya perenggan (d) seksyen 155 itu dipotong daripada seksyen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membuat pindaan ini Kerajaan juga menyedari hakikat bahawa kepentingan tertuduh untuk membela diri juga perlu diambilkira kerana seseorang tertuduh itu adalah tidak bersalah sehingga dia disabitkan. Bagi maksud itu pemotongan seksyen 155(d) yang disebut terdahulu akan digantikan dengan satu peruntukan baru 146A sebagaimana terkandung dalam Pasal 2 Rang Undang-undang.

Seksyen baru 146A yang dicadangkan ini bertujuan mengadakan satu peruntukan khusus bagi mengawalselia keterangan-keterangan dan soalan-soalan dalam pemeriksaan balas yang boleh dikemukakan atau ditanya oleh pihak pembela dalam prosiding berkenaan dengan kesalahan rogol. Seksyen baru yang dicadangkan ini memperuntukkan sebagai satu prinsip bahawa dalam prosiding sedemikian pembela tidak boleh mengemukakan apa-apa keterangan atau menanya apa-apa soalan dalam pemeriksaan balas yang berkaitan dengan kegiatan-

kegiatan seks pengadu dengan mana-mana orang lain selain daripada tertuduh. Bagaimanapun, larangan itu tidaklah merupakan satu larangan yang mutlak kerana seksyen tersebut juga memperuntukkan kecualian-kecualian tertentu di mana keterangan-keterangan atau soalan-soalan sedemikian boleh dikemukakan oleh pihak pembela bagi mewujudkan satu imbalan di antara kepentingan tertuduh dan pengadu.

Dalam prosiding berkenaan dengan kesalahan rogol, apa yang perlu ditekankan ialah kegiatan seks di antara tertuduh dengan pengadu iaitu yang menjadi hal perkara pertuduhan tersebut. Sekatan-sekatan terhadap, pengemukakan keterangan yang bertujuan mendedahkan latar belakang seks pengadu bukan sahaja akan dapat melindungi si pengadu atau mangsa rogol daripada tohmahan-tohmahan mengenai wataknya tetapi juga akan menggalakkan mangsa-mangsa rogol untuk tampil ke hadapan membuat laporan mengenai kejadian tersebut yang kini kian meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Keterangan 1950 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Jika tiada perbincangan, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibezakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH SYARIAH  
(BIDANG KUASA JENAYAH)(PINDAAN DAN PERLUASAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.47 ptg.**

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah)(Pindaan dan Perluasan) 1989 dibacakan kali yang kedua sekarang,

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 bagi maksud-maksud berikut:

- (a) Memperluaskan pemakaiannya ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak; dan
- (b) Mengesahkan bidang kuasa yang telah dilaksanakan oleh Mahkamah-mahkamah Syariah di kedua-dua negeri tersebut sebelum tarikh Akta ini diperluaskan pemakaiannya ke sana.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengemukakan dengan ringkas kepada Dewan yang mulia ini latar-belakang dan asas-asas pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan iaitu Senarai Perundangan di dalam Senarai 2, iaitu Senarai Negeri, di butiran (1) telah memberi kuasa kepada negeri-negeri untuk mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut agama Islam terhadap rukun-rukun Islam, Perlembagaan itu juga memberi kuasa sedemikian berhubung dengan keanggotaan penyusunan dan acara bagi Mahkamah-mahkamah Syariah yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam. Walaupun demikian, bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan tersebut hanyalah setakat yang diberi oleh undang-undang Persekutuan. Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 merupakan Undang-undang Persekutuan yang dimaksudkan itu. Sungguhpun begitu, sehingga kini Akta ini hanya terpakai bagi negeri-negeri di Malaysia Barat sahaja dan tidak meliputi negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Ini adalah kerana pada ketika Akta itu digubal Mahkamah-mahkamah Syariah belum lagi dibentuk di kedua-dua negeri tersebut.

Bagi negeri Sabah, Mahkamah-mahkamah tersebut hanya dibentuk dan diberi bidang kuasa terhadap orang-orang yang menganut agama Islam berhubung dengan rukun-rukun Islam, setelah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak No.15/77 berkuatkuasa, iaitu mulai daripada 23hb Disember, 1977 dan bagi negeri Sarawak pula Mahkamah-mahkamah tersebut hanya terbentuk dan diberi bidang kuasa setelah Ordinan Majlis Islam Perbadanan (Pindaan) 1978 berkuatkuasa iaitu mulai daripada 1hb Januari, 1983.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya peruntukkan Perlembagaan Persekutuan seperti yang saya sebut tadi, dan dengan terbentuknya Mahkamah-mahkamah Syariah di kedua-dua negeri tersebut, adalah perlu bagi Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 diperluaskan pemakaiannya ke negeri Sabah dan Sarawak dan juga bagi memberi pengesahan terhadap bidang kuasa yang dilaksanakan oleh Mahkamah-mahkamah Syariah di sana sejak ianya berfungsi sehingga Akta perluasan ini berkuatkuasa di sana.

Kerajaan di kedua-dua negeri tersebut telah meminta Akta 1965 itu diperluaskan ke sana bagi maksud tersebut supaya apa yang dilakukan oleh Mahkamah-mahkamah Syariah di sana tidak dicabar sebagai tidak sah kerana tidak mematuhi kehendak-kehendak Perlembagaan Persekutuan. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ialah dengan cara memperluaskan pemakaian Akta 1965 ini kepada semua negeri di Malaysia Barat yang dengan sendirinya akan meliputi negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Ini adalah dilakukan seperti yang ternyata di dalam Fasal 2 Rang Undang-undang dengan meminda Seksyen 1(2) Akta 1965 iaitu dengan menggantikan perkataan-perkataan "Hanya bagi Negeri-negeri di Malaysia Barat" dengan perkataan "Bagi semua negeri di Malaysia."

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, Wilayah Persekutuan Labuan di dalam hal hukum syarak telahpun dahulunya dipindahkan daripada Senarai Negeri ke dalam Senarai Persekutuan di dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan mengikut Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian dan Perluasan) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak, 1985, yang berkuatkuasa pada 16 hb April, 1984. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952, negeri Selangor telah pun diperluaskan guna pakainya di Wilayah Persekutuan, tersebut. Dengan lain-lain perkataan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang berkuatkuasa di negeri Selangor adalah terpakai di Wilayah Persekutuan Labuan dengan pengubahsuaian yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, setelah Akta 1965 ini diperluaskan pemakaiannya bagi semua Negeri di Malaysia adalah perlu untuk

memberi pengesahan atau, dengan izin, validation, terhadap apa-apa tindakan yang telah dilakukan oleh Mahkamah-mahkamah Syariah di negeri-negeri Sabah dan Sarawak semenjak tertubuhnya Mahkamah-mahkamah itu di sana sehingga ke tarikh sebelum berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini di seluruh Malaysia. Ini adalah diperuntukkan di dalam Fasal 3 Rang Undang-undang ini dengan menyifatkan bahawa segala kesalahan di bawah hukum syarak yang sebelum berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini di negeri-negeri Sabah dan Sarawak telah dibicarakan oleh Mahkamah-mahkamah Syariah di sana sebagai telah dibicarakan dengan sah seolah-olah bidang kuasa yang berkenaan yang telah diberikan kepadanya oleh Undang-undang Persekutuan. Ini adalah perlu kerana sebelum ini pun kesalahan-kesalahan di bawah hukum syarak ada dibicarakan dan di negeri-negeri yang berkenaan tanpa bidang kuasa tersebut diberi oleh Undang-undang Persekutuan seperti yang dikehendaki oleh Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 dan untuk memperluaskan pemakaian Akta itu sebagaimana dipinda kepada semua negeri di Malaysia, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang

undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang di bacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.**